

MESYUARAT KETIGA, PENGGAJ KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
2020

**HARI RABU : 2 DISEMBER 2020**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB  
LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN  
( SOALAN NO. 10 HINGGA NO. 45 )**

**NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA,  
PENGKAL KETIGA, PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' WIRA HAJI AMIRUDDIN  
BIN HAJI HAMZAH [KUBANG PASU]**

**TARIKH : 2 DISEMBER 2020 (RABU)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah langkah strategik yang telah dan akan diambil bagi membantu secara holistik golongan usahawan “super micro-credit” (contoh peserta Amanah Ikhtiar Malaysia) semasa tempoh penangguhan bayaran moratorium yang telah tamat akhir September 2020 dan pasca tempoh tersebut.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Kementerian melalui agensi seperti Tekun Nasional, SME Corp. Malaysia, Bank Rakyat dan SME Bank menyediakan pelbagai bantuan kepada 907,065 PKS yang terdiri daripada 76.5% perusahaan mikro, 21.2% perusahaan kecil dan 2.3% perusahaan sederhana.
2. Antara langkah-langkah yang telah diambil dan dilaksanakan oleh MEDAC menerusi agensi-agensi di bawah kementerian adalah:
  - a. penyediaan pembiayaan kepada usahawan,
  - b. penjadualan semula pinjaman;
  - c. penangguhan bayaran balik / moratorium pinjaman;
  - d. latihan serta bimbingan keusahawanan secara dalam talian; dan
  - e. pelaksanaan program berimpak tinggi
3. Bagi membantu usahawan mikro, Kementerian turut menyediakan program-program pembiayaan dan pembangunan kapasiti melalui Agensi-agensi di bawah Kementerian bagi memantapkan dan memperkukuhkan perniagaan mereka. Antara program-program yang dilaksanakan di bawah Kementerian adalah:

**Tekun Nasional**

- i. COVID *Business Recovery – Micro* (CBRM)
- ii. TEKUN *Business Recovery Scheme* (TBRS)

**SME Corp.**

- i. Program Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE)
- ii. Program *Micro Connector*

**Bank Rakyat**

- i. Program BRCares

## NO. SOALAN : 10

4. Kementerian turut membantu usahawan mikro menerusi platform Warong Rider melalui kerjasama SME Corp. Malaysia dan Gabungan Persatuan-Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Melayu Malaysia (GPPPKMM) untuk mewujudkan peluang pekerjaan bagi 5,000 belia yang menganggur. Mereka akan bertindak sebagai agen penghantaran serta membantu penjaja/ peniaga kecil untuk memasarkan produk mereka di e-marketplace.
5. Selain itu, Kementerian juga merancang untuk melaksanakan Program Transformasi kepada penjaja dan peniaga kecil dengan memberi fokus kepada pemantapan usahawan mikro dalam perniagaan melalui '*Digitalization*' untuk mempertingkatkan jualan dan penyesuaian kepada norma baru perniagaan.
6. Semoga langkah-langkah yang diambil ini dapat membantu dan memberi peluang yang lebih berdaya saing kepada usahawan mikro dan sektor informal ini, khususnya penjaja dan peniaga kecil bangkit semula untuk menjalankan perniagaan mereka yang terjejas akibat penularan Covid-19.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN LUKANISMAN BIN AWANG SAUNI**  
**KAWASAN : SIBUTI**  
**TARIKH : 02 DISEMBER 2020 (RABU)**

**SOALAN NO. 11**

minta **MENTERI KANAN KERJA RAYA** menyatakan apakah pencapaian Program Aku Janji Sifar Lubang (Pothole) Kementerian.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Program Aku Janji 'Zero Pothole' di peringkat Kebangsaan telah dilaksanakan oleh pihak Kementerian Kerja Raya bersama Jabatan Kerja Raya dan Syarikat Konsesi Jalan Persekutuan seluruh Malaysia sebagai inisiatif kepada langkah proaktif kerajaan untuk menangani masalah *pothole* di Jalan Persekutuan.

Program sifar *pothole* ini memberi penekanan kepada prosedur tindakan kerja-kerja penampalan jalan berlubang dengan pelaksanaan tindakan dalam tempoh 24 jam (secara sementara) daripada penemuan ataupun aduan kerosakan. Tempoh 3 hari diberikan kepada pihak konsesi untuk melaksanakan pembaikan kekal selari dengan Piagam Pelanggan Jabatan Kerja Raya dan kontrak penyenggaraan jalan persekutuan (FRM) pihak konsesi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan maklumat terkini, statistik aduan berkaitan *pothole* sehingga September 2020 adalah sebanyak 64,202 berbanding tahun 2019 iaitu 105,208. Secara keseluruhannya, sebanyak 100% *pothole* telah dapat dibaiki hasil dari tindakan proaktif pihak konsesi mengikut Piagam Pelanggan JKR.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN SIM CHEE KEONG  
[BUKIT MERTA JAM – DAP]**

**TARIKH : 2 DISEMBER 2020 (RABU)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan kos yang terlibat dalam pengendalian KBS Fit & Active #2 dan usaha Kementerian dalam menggalakkan orang ramai mengamalkan gaya hidup aktif selain daripada 'virtual workout' memandangkan situasi COVID-19 sudah bertambah baik di sesetengah kawasan di Malaysia.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) memperkenalkan program KBS Fit & Active dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan secara dalam talian. Ini untuk memastikan rakyat Malaysia kekal cergas dan sihat melalui aktiviti senaman yang boleh dilakukan oleh semua lapisan masyarakat walaupun berada di rumah.
2. Kementerian telah bekerjasama dengan Persatuan Senamrobik Malaysia dan pasukan jurulatih kecergasan di bawah kendalian penggerak kecergasan popular, Encik Kevin Zahri. Dengan peruntukan sebanyak RM35,000, program musim pertama telah berlangsung selama sebulan bermula Julai 2020 dengan penglibatan



seramai 405,619 penonton di platform media sosial Facebook dan Instagram.

3. Berikutan sambutan yang sangat menggalakkan, musim kedua telah diteruskan bermula Oktober hingga November 2020. Ini melibatkan lebih kurang 40 orang jurulatih kecergasan dalam jenis senaman masing-masing dengan peruntukan sebanyak RM40,000.
4. Selain daripada program dalam talian, Kementerian juga menggalakkan gaya hidup aktif dengan mempromosi aktiviti kecergasan secara sendiri di kediaman masing-masing. Rakaman program turut melibatkan pengurusan tertinggi KBS dan ikon-ikon sukan negara seperti Farah Ann Abdul Hadi, Hafizh Syahrin, Leong Mun Yee dan ramai lagi.
5. Seterusnya, KBS juga menyalurkan bantuan kewangan kepada persatuan-persatuan dan kelab-kelab sukan untuk meneruskan galakan gaya hidup aktif. Antara bulan Mac hingga Oktober 2020, hampir RM 3,500,000 (**tiga setengah juta ringgit**) telah disalurkan kepada persatuan dan kelab sukan ini. Jumlah ini tidak termasuk dengan inisiatif terbaru KBS iaitu bantuan Inisiatif Prihatin Sukan berjumlah RM 10,000,000 (**sepuluh juta ringgit**) yang boleh dimohon oleh persatuan dan kelab sukan.
6. Walaupun kes penularan COVID-19 semakin meningkat, aktiviti sukan dan rekreasi yang tidak melibatkan sentuhan fizikal dan dijalankan secara individu tidak melebihi 10 orang seperti e-sports, berjalan, jogging, berbasikal, senam robik sendiri, hiking, memancing dan lain-lain – walaupun dijalankan di kawasan yang sama namun terbuka – adalah tidak dilarang. Rakyat digesa agar kekal aktif dan memastikan tahap kesihatan dalam keadaan terbaik disamping mematuhi SOP Sektor Sukan & Rekreasi yang berkuatkuasa.
7. Berikutan penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) baru-baru ini, Kementerian telah menerima banyak aduan berikutan larangan tertentu melibatkan sektor sukan dan rekreasi. Ini termasuklah pengansuran acara sukan tempatan yang berprofil tinggi seperti liga bola sepak, perlumbaan bermotor dan sebagainya.

8. Demi melindungi industri sukan negara dan kesejahteraan rakyat, terutamanya ribuan peluang pekerjaan dalam sektor ini yang terancam jika operasi tidak Kembali normal, KBS sedang dalam penyediaan model gelembung sukan (*sports bubble*) bagi membolehkan risiko jangkitan dikawal dengan lebih sistematik.
9. KBS akan mendapatkan pandangan daripada para pemegang taruh termasuklah Majlis Keselamatan Negara (MKN), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Badan Induk Sukan dan pemain industri mengenai cadangan Tatacara Operasi Piawai (SOP) 'gelembung sukan' ini sebelum diangkat ke pertimbangan Majlis Keselamatan Negara (MKN) dalam masa terdekat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI AHMAD FAIZAL BIN  
DATO' AZUMU [TAMBUN]**

**TARIKH : 2 DISEMBER 2020 (RABU)**

**SOALAN NO. 13**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah apakah metodologi yang digunakan untuk semakan Paras Garis Kemiskinan yang dipinda daripada RM980 kepada RM2208 dan apakah tindakan Kerajaan dalam mengatasi jumlah golongan miskin yang meningkat kesan daripada semakan Paras Garis Kemiskinan (PGK) yang dibuat baru-baru ini.

**JAWAPAN**

**YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Tambun, Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) merujuk kepada jumlah pendapatan yang diperlukan oleh sebuah isi rumah bagi memenuhi keperluan minimum makanan dan bukan makanan untuk hidup sihat dan aktif dalam masyarakat. Kaedah pengukuran kemiskinan mutlak ini menjadi amalan yang diterima pakai di peringkat antarabangsa antaranya Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (*United Nations*) dan diamalkan oleh kebanyakan negara membangun.
2. Kajian semula metodologi PGK 2019 dengan menambahbaik metodologi PGK 2005 telah mengekalkan tiga komponen asas iaitu:
  - i. Keperluan makanan;
  - ii. Keperluan bukan makanan; dan
  - iii. Ciri-ciri isi rumah.
3. Pada tahun 2019, elemen yang diambil kira dalam keperluan makanan dan bukan makanan ditambah baik untuk menggambarkan peningkatan kualiti dalam kehidupan. Konsep PGK makanan berubah daripada keperluan 'minimum' kalori kepada keperluan 'optimum minimum' yang menunjukkan peningkatan kualiti item bakul makanan. Bagi PGK bukan makanan pula, keperluan kumpulan B20 telah bertambah dari 106 kepada 146 item dan mengambil kira perubahan pola perbelanjaan isi rumah, harga barangan dan perkhidmatan semasa.
4. Berdasarkan metodologi PGK 2019, PGK nasional adalah sebanyak RM2,208 sebulan, berbanding dengan PGK 2016 yang mengguna pakai metodologi 2005 iaitu RM980 sebulan. Dengan menggunakan metodologi PGK 2019, kadar kemiskinan mutlak adalah 5.6% meliputi 405,441 isi rumah pada tahun 2019 berbanding 7.6% meliputi 525,743 isi rumah pada tahun 2016. Kadar kemiskinan bandar adalah

3.8% dan kadar kemiskinan luar bandar sebanyak 12.4% bagi tahun 2019.

5. Untuk makluman ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa memberikan fokus kepada agenda pembasmian kemiskinan dalam pelan pembangunan negara sehingga kini. Sehubungan itu, Kerajaan pada 2 September 2020 telah mewujudkan Jawatankuasa Khas Kabinet Menangani Kemiskinan yang akan dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri bagi menunjukkan komitmen Kerajaan dalam menangani kemiskinan. Jawatankuasa Khas ini akan membincangkan perkara berkaitan dengan dasar dan strategi serta inisiatif pembasmian kemiskinan termasuk peranan Kementerian dan agensi yang terlibat bagi memastikan golongan yang memerlukan mendapat bantuan dan tidak terlepas daripada jaringan keselamatan sosial.
6. Bagi mengurangkan kadar kemiskinan dan meningkatkan keupayaan isi rumah ini, isi rumah miskin dan berpendapatan rendah dari kumpulan B40 diberi keutamaan dalam bantuan sosial merangkumi pendidikan, kesihatan, perumahan, keusahawanan dan bantuan sara hidup.
7. Di samping Bantuan Sara Hidup (BSH) sedia ada, semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Bantuan Prihatin Nasional (BPN) berupa kewangan dan bantuan lain juga diberikan kepada kumpulan isi rumah B40 berpendapatan RM4,000 ke bawah dengan jumlah RM1,600. BPN juga diberi kepada M40 yang berpendapatan RM8,000 ke bawah dengan sejumlah RM1,000 memandangkan mereka juga berhadapan dengan isu pendapatan dan pekerjaan disebabkan oleh pandemik COVID-19.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN KHOO POAY TIONG  
[ KOTA MELAKA ]**

**TARIKH : 2 DISEMBER 2020 (RABU)**

**SOALAN**

**Tuan Khoo Poay Tiong [ Kota Melaka ] minta MENTERI  
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**  
menyatakan :

- (a) apakah mekanisme pelaksanaan kenaikan bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) yang akan dinaikkan kepada RM1,000 seperti mana yang diumumkan oleh Perdana Menteri; dan
- (b) apakah kewajaran dan kesan sosial serta ekonomi peningkatan tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Pada 30 Ogos 2020, YAB Perdana Menteri Malaysia telah mengumumkan cadangan kenaikan kadar bantuan daripada RM200 hingga RM300 kepada RM1,000 dengan tujuan untuk memenuhi keperluan asas (*basic needs*) dan meringankan beban penerima bantuan.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) bersama Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah mengadakan beberapa siri perbincangan dan sesi libat urus bersama pihak Kementerian Kewangan berkaitan cadangan YAB Perdana Menteri Malaysia bagi kenaikan kadar bantuan.

Menerusi pembentangan Rang Undang-undang Perbekalan 2021 oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 6 November 2020, sebanyak lima (5) skim bantuan kewangan persekutuan bagi menjaga kebajikan golongan rentan terutamanya golongan warga emas, pesakit kronik dan Orang Kurang Upaya (OKU) dan juga keluarga miskin terutama golongan keluarga dari kumpulan B40 akan dinaikkan seperti berikut:

1. Kadar Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja (**BTB**) dinaikkan daripada RM250 **kepada** RM300 sebulan seorang;
2. Kadar Bantuan Orang Tua (**BOT**) dinaikkan daripada RM350 **kepada** RM500 sebulan seorang;
3. Bantuan Penjagaan OKU dan Pesakit Kronik Terlantar (**BPT**) dinaikkan daripada RM350 **kepada** RM500 sebulan seorang;
4. Kadar bantuan Elaun Pekerja Cacat (**EPC**) dinaikkan daripada RM400 **kepada** RM450 sebulan seorang; dan
5. Kadar Bantuan Kanak-Kanak (**BKK**) untuk keluarga miskin dinaikkan daripada RM100 bagi seorang anak dengan maksimum RM450 **kepada** RM150 seorang anak berumur 7 tahun hingga 18

tahun dan RM200 seorang anak berumur 6 tahun dan ke bawah dengan maksimum RM1,000 sekeluarga.

Kenaikan kadar bantuan ini akan bermula pada bulan Januari 2021 dan akan memberi manfaat kepada lebih 400,000 penerima bantuan. Kenaikan kadar ini turut melibatkan peruntukan sebanyak RM2.2 bilion iaitu tambahan peruntukan sebanyak RM700 juta.

Tuan Yang di-Pertua,

Cadangan kenaikan kadar bantuan JKM ini wajar dipertimbangkan kerana banyak memberi kesan sosial dan ekonomi kepada penerima bantuan serta membantu menampung kenaikan kos sara hidup yang membebani masyarakat terutama golongan berpendapatan rendah dan daripada kumpulan keluarga B40.

Melalui bantuan bulanan JKM ini juga dapat menggalakkan kumpulan sasar terus tinggal dan berada dalam komuniti. Selain itu, ia juga dapat membantu keluarga miskin dan kumpulan B40 yang mempunyai isi rumah terutama anak-anak yang ramai untuk meningkatkan kualiti dan kesejahteraan hidup penerima bantuan serta mengurangkan beban tanggungan keluarga.



**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA,  
PENGAL KETIGA, PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN  
[ PONTIAN ]**

**TARIKH : 2 DISEMBER 2020 (RABU)**

**SOALAN**

minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan perkembangan e-Dagang ketika wabak COVID-19 dan program-program baru Kementerian bagi menggiatkan e-Dagang terutama di kalangan bangsa usahawan Bumiputera.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Pandemik COVID-19 telah menyebabkan peningkatan berbelanja secara atas talian oleh pengguna dan mempercepatkan peralihan usahawan konvensional kepada e-Dagang. Kaji Selidik Impak Covid-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang telah dilaksanakan oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) pada 10 hingga 17 April 2020 mendapati 52.06% pengguna menghadkan pergerakan keluar rumah dan membeli atas talian. Manakala Survei Khas Jabatan Perangkaan Malaysia iaitu “Kesan COVID-19 kepada Ekonomi dan Syarikat/ Firma Perniagaan” mendapati sebanyak 12.3% syarikat/ firma menyatakan sumber pendapatan mereka semasa PKP adalah daripada jualan dan perkhidmatan secara atas talian.
2. Dari aspek peralihan usahawan dalam adaptasi e-Dagang pula, di bawah pelaksanaan Pelan Halatuju Strategik e-Dagang Kebangsaan (NESR) yang bertujuan mempercepatkan penerapan e-Dagang di kalangan usahawan, terdapat peningkatan yang ketara dalam penyertaan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) di platform e-Dagang. Sehingga September 2020, terdapat sebanyak 140,883 PKS telah menyertai platform e-Dagang berbanding dengan 42,620 PKS yang telah menyertai platform e-Dagang pada tahun 2019.
3. Peningkatan perniagaan atas talian turut dapat dilihat dalam statistik daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Terdapat sebanyak 85,901 syarikat dan perniagaan atas talian didaftarkan sehingga 30 September 2020 berbanding 76,443 syarikat dan perniagaan atas talian yang didaftarkan pada keseluruhan tahun 2019. Pendaftaran tertinggi adalah pada bulan Julai 2020 iaitu sebanyak 17,254 syarikat dan perniagaan atas talian.
4. Di samping program-program sedia ada, Kementerian ini telah merangka dan melaksanakan program-program baharu bagi meningkatkan lagi adaptasi usahawan, terutama usahawan Bumiputera dalam e-Dagang seperti berikut:

a. ***Online Onboarding Coaching Programme (E-Board)***

Program ini bertujuan memperkuat kemampuan dan kapasiti usahawan mikro, kecil dan sederhana (PKS) dalam penggunaan platform secara atas talian (*online*) e-Dagang melalui bimbingan (*handhold*) yang intensif secara atas talian selama 3 bulan. Program ini telah berjaya melonjakkan purata jualan peserta sebanyak 17.57% bagi kohort pertama dengan lonjakan tertinggi sebanyak 525.58%.

b. ***Pemasaran Online TEKUN***

Program ini bertujuan untuk membuka dan meluaskan pasaran produk usahawan tempatan. Selain itu, objektif program ini ialah mentransformasikan usahawan mikro daripada kaedah perniagaan konvensional kepada digital. Melalui program ini, produk usahawan dipasarkan melalui platform Shopee di bawah TEKUN Mart Official Store. Sehingga 15 Oktober 2020, sebanyak 260 SKU telah dipasarkan melibatkan 64 orang usahawan.

c. ***Kerjasama TEKUN dengan Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC)***

TEKUN telah bekerjasama dengan Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) melalui pelaksanaan Kursus e-Usahawan. Kursus ini dijalankan secara projek *pilot* khusus untuk usahawan TEKUN mendalami kemahiran memasarkan produk/perniagaan secara online dan offline. Melalui kerjasama ini, sebanyak 3 siri kursus telah dilaksanakan melibatkan seramai 120 peserta.

Di samping itu, TEKUN juga dalam pelaksanaan untuk menjalinkan kerjasama bersama MDEC melalui siri Program Perkhidmatan e-Dagang Setempat (PeDAS). Melalui kerjasama ini, MDEC menawarkan bantuan kepada usahawan TEKUN untuk membangunkan produk, persijilan dan pemasaran produk secara dalam talian (*online*) dan menghubungkan usahawan dengan pelbagai agensi serta

rakan perniagaan. Bagi siri pertama (projek pilot) program PeDAS ini, TEKUN mensasarkan untuk melatih seramai 120 orang usahawan (peminjam TEKUN) di tiga negeri iaitu Melaka, Sarawak dan Sabah.

d. **Program *Micro Connector***

Program ini memudahkan perusahaan mikro dan komuniti B40 termasuk usahawan bumiputera mengadaptasi teknologi digital (e-dagang) ke dalam operasi perniagaan dan menjana pendapatan. Pada tahun ini, sejumlah 6,925 peserta telah menyertai dan mendapat manfaat daripada inisiatif ini.

e. **Platform 'ANGSANA VIRTUAL MALL'**

UDA Holdings Berhad (UDA) membantu usahawan yang menyewa di premis UDA dengan menawarkan peluang berniaga di atas talian menerusi platform yang sedang dibangunkan iaitu laman sesawang UDA Virtual Mall dan aplikasi Yezza. Program ini mensasarkan untuk membantu 300 usahawan berniaga di atas talian.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN DATUK SERI PANGLIMA  
MADIUS TANGAU [ TUARAN ]**

**TARIKH : 2 DISEMBER 2020 (RABU)**

**SOALAN NO. 16:**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah dasar Kerajaan untuk menangani kehadiran pelarian Filipina di Sabah yang sudah berada di Sabah sejak tahun 1970-an.

**JAWAPAN**

**YB DATUK SERI MOHD REDZUAN BIN MD. YUSOF,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan mengambil perhatian isu berkaitan kehadiran pelarian Filipina di Sabah. Pada ketika ini, pelarian Filipina di Sabah dikenalpasti melalui milikan dokumen IMM13, Sijil banci Pasukan Petugas Khas Persekutuan Sabah/Labuan dan Sijil burung-burung dengan jumlah seramai 136,055 orang.
2. Kerajaan tidak pernah menghalang malah menggalakkan supaya pemegang dokumen IMM13 sedia ada untuk kembali ke negara asal mereka. Kerajaan sentiasa bekerjasama dengan pihak kedutaan Republik Filipina dengan membenarkan "*mobile team*" kedutaan untuk beroperasi di Sabah yang mana ianya membolehkan pihak kedutaan menyediakan perkhidmatan yang berkaitan dengan penyediaan passport serta lain-lain urusan yang berkaitan untuk warganegara mereka termasuk pelarian Filipina di Sabah.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : PUAN NOR AZRINA BINTI SURIP  
[ MERBOK ]**

**TARIKH : 2 DISEMBER 2020 (RABU)**

**SOALAN**

**Puan Nor Azrina binti Surip [ Merbok ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah bentuk remedi kesan penderaan emosi yang disediakan oleh undang-undang secara terperinci memandangkan statistik kesihatan mental akibat keganasan rumah tangga yang amat tinggi.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menangani isu keganasan rumah tangga, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) mengambil tindakan di bawah Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 [Akta 521]. Menerusi akta ini, Kerajaan memperuntukkan perlindungan undang-undang dalam situasi keganasan rumah tangga dan perkara-perkara yang bersampingan dengannya.

Secara amnya, Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 [Akta 521] memperuntukkan dua jenis remedi kepada mangsa keganasan rumah tangga. Yang pertama ialah pemberian "*equitable remedy*" melalui pemberian Perintah Perlindungan Kecemasan/ Perintah Perlindungan Interim/ Perintah Perlindungan kepada mangsa keganasan rumah tangga. Antara perkara yang boleh dimasukkan dalam perintah ialah menghalang orang yang terhadapnya perintah itu dibuat daripada menggunakan keganasan rumah tangga terhadap mangsa. Perintah Perlindungan Interim/ Perintah Perlindungan diberikan bagi kesemua jenis keganasan rumah tangga termasuk penderaan emosi, apabila terdapat penyiasatan/ kes berhubungan dengan perlakuan suatu kesalahan yang melibatkan keganasan rumah tangga di bawah Kanun Keseksaan atau Akta-Akta lain.

Selain itu, Mahkamah boleh, dalam suatu permohonan, suatu perintah perlindungan diminta atau semasa mendengar tuntutan bagi pampasan di bawah seksyen 10, membuat suatu perintah bahawa satu atau lebih pihak kepada pertikaian itu dirujuk kepada suatu program pemulihan. Program pemulihan adalah merupakan satu perintah tambahan kepada pelaku atas arahan Mahkamah. Namun perintah merujuk mangsa ke program pemulihan hanya boleh dilaksanakan dengan persetujuan mangsa. Sesi kaunseling merupakan satu bentuk program pemulihan yang boleh dilaksanakan kepada pelaku atau mangsa.



**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' WIRA MOHD ANUAR BIN MOHD**  
**TAHIR**  
**KAWASAN : TEMERLOH**  
**TARIKH : 02 DISEMBER 2020 (RABU)**

**SOALAN NO. 18**

minta **MENTERI KANAN KERJA RAYA** menyatakan adakah Kementerian telah melaksanakan kajian kemungkinan tentang lebuhraya alternatif, pembesaran serta penyuraian trafik yang semakin padat di Lebuhraya KL-Karak.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian sedang melaksanakan Kajian Keperluan Jalan Alternatif Lebuhraya Gombak – Bentong bagi mendapatkan penyelesaian untuk mengurangkan masalah kesesakan di laluan Kuala Lumpur – Karak. Penilaian akan dilaksanakan untuk menentukan sama ada jajaran jalan baru atau menaik taraf jalan sedia ada diperlukan. Ini mengambil kira *return of investment* dengan izin, kepada pelaksanaan cadangan projek termasuk isu berkaitan impak alam sekitar dan juga impak sosial yang seterusnya mendatangkan manfaat kepada kerajaan dan juga rakyat. Kajian ini dijangkakan siap pada September 2021.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' SRI RICHARD RIOT ANAK JAEM  
[ SERIAN ]**

**TARIKH : 2 DISEMBER 2020 (RABU)**

**SOALAN**

**YB DATO' SRI RICHARD RIOT ANAK JAEM [ SERIAN ]** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan kaedah bagi membantu industri perhotelan, penerbangan, homestay serta tempat-tempat rekreasi yang terjejas teruk semasa Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) akibat penularan COVID-19 ini di mana industri-industri ini terpaksa menstruktur semula dan mengurangkan pekerja mereka.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Penularan wabak COVID-19 telah membawa kesan negatif yang teruk bukan sahaja kepada industri pelancongan tempatan malah turut menjejaskan industri ini di seluruh dunia. Untuk membantu meringankan impak terhadap penggiat industri dan seterusnya memulihkan industri pelancongan tempatan, Kerajaan telah mengumumkan beberapa pakej rangsangan ekonomi (PRE) iaitu PRIHATIN, PRIHATIN PKS TAMBAHAN dan PENJANA. Antara bantuan dan insentif yang disediakan adalah:

- (i) Skim Pembiayaan Pelancongan PENJANA bagi PKS sektor pelancongan;
- (ii) pengecualian cukai pelancongan sepenuhnya bagi tempoh mulai 1 Julai 2020 hingga 30 Jun 2021;
- (iii) pengecualian cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan penginapan mulai 1 September 2020 hingga 30 Jun 2021;
- (iv) pelepasan khas cukai individu sehingga RM1,000 untuk perbelanjaan pelancongan domestik;
- (v) Program Subsidi Upah (PSU) untuk 3 bulan tambahan bagi majikan sedia ada yang sedang menerima PSU dan bantuan PSU selama 6 bulan bagi semua permohonan baru mulai 1 Oktober 2020 hingga 31 Disember 2020;
- (vi) inisiatif bantuan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) seperti Skim Pembiayaan PKS PENJANA dan Geran Padanan Pendigitalan PKS;
- (vii) potongan cukai untuk perbelanjaan berkaitan COVID-19 seperti pembelian PPE/ pengimbas suhu dan kos ujian saringan; dan

- (viii) penawaran penangguhan atau moratorium bayaran pinjaman bersasar.

2. Di pihak Kementerian sendiri, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) telah dan akan terus melaksanakan inisiatif-inisiatif khusus seperti:

- (i) menawarkan kursus *Domestic Tourism Vibes* secara dalam talian dengan kerjasama Persatuan Institut-institut Latihan Pelancongan Malaysia (ATTIM) dan Malaysian Tourist Guide Council (MTGC);
- (ii) pengecualian bayaran fi lesen bagi pengusaha-pengusaha pelancongan dan pemandu pelancong bermula 17 Mac hingga 31 Disember 2020;
- (iii) pemberian diskaun pembayaran kompaun sebanyak 40% kepada semua pengusaha pelancongan dan pemandu pelancong berlesen yang dikenakan kompaun oleh Kementerian sebelum 31 Disember 2020;
- (iv) pelanjutan tempoh bayaran kompaun sehingga 31 Disember 2020 bagi semua kompaun yang dikeluarkan kepada syarikat atau pemandu pelancong berlesen;
- (v) melonggarkan syarat pembaharuan lesen sedia ada bagi syarikat pengendali pelancongan;
- (vi) melanjutkan permit bas persiaran kepada 15 tahun bagi bas persiaran di Sabah, Sarawak dan Labuan;
- (vii) menyediakan platform dalam talian seperti [www.malaysia.travel](http://www.malaysia.travel) bagi membolehkan penggiat industri pelancongan memapar, mempromosi dan menawarkan pakej dan produk pelancongan mereka; dan

- (viii) melancarkan Kempen “*Meet In Malaysia*” bagi menggalakkan penganjuran MICE secara hibrid iaitu secara fizikal dan dalam talian serentak di Malaysia sebagai satu bentuk insentif untuk membantu dan menyokong penggiat industri MICE dalam menganjurkan acara perniagaan di Malaysia.
3. Sementara itu, sebaik sahaja pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) dan pembukaan semula aktiviti ekonomi bermula 10 Jun 2020 yang lalu, MOTAC terus mengambil beberapa langkah untuk merancakkan semula pelancongan domestik dan pada masa yang sama membudayakan pematuhan kepada operasi standard atau SOP-SOP yang telah ditetapkan.
4. Antara program yang telah dan akan dilaksanakan termasuklah:
- (i) “Siri Jelajah Semarakkan Pelancongan Domestik” bagi menggalakkan pelancongan dalam negara yang telah dilancarkan pada 13 Jun 2020 oleh Kementerian ini di seluruh negara. Setakat ini, siri promosi ini telah diadakan di negeri Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Sarawak, Kuala Lumpur, Perlis dan Kedah. Siri promosi tersebut akan diteruskan secara berperingkat apabila keadaan mengizinkan di mana ia akan melibatkan pendedahan kepada produk-produk pelancongan baru serta produk warisan seni dan kebudayaan negara;
  - (ii) Pelancaran “Pakej Istimewa Cuti-Cuti Malaysia Bagi Penjawat Awam” pada 3 September 2020 bagi menggalakkan lagi penjawat awam untuk bercuti dalam negara seterusnya membantu meningkatkan pendapatan operator pelancongan yang turut serta; dan
  - (iii) “Siri Jelajah Kempen Pembudayaan Norma Baharu” yang akan dijalankan dengan kerjasama Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)

**NO. SOALAN : 19**

bagi memberi pendedahan kepada penggiat industri pelancongan akan norma-norma baharu yang perlu diamalkan.

5. Melalui Belanjawan 2021, Kerajaan akan memberikan penggiat sektor pelancongan pengecualian levi tabung HRDF selama 6 bulan berkuatkuasa 1 Januari 2021 bagi membantu mengurangkan beban aliran tunai syarikat yang terjejas akibat penularan COVID-19.

6. Pada masa yang sama, MOTAC akan mensasarkan bantuan dalam bentuk rebat/diskaun atau subsidi pakej pelancongan melalui platform dalam talian serta kerjasama dengan persatuan pelancongan tempatan, taman tema dan persatuan Homestay bagi menawarkan pakej pelancongan yang menarik kepada rakyat. Inisiatif ini akan dilaksanakan apabila situasi semasa mengizinkan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHAN MING KAI  
[ALOR SETAR]**

**TARIKH : 2 DISEMBER 2020 (RABU)**

**SOALAN NO. 20**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan statistik jumlah kelahiran anak bagi isi rumah kategori B40, M40 dan T20 dalam pecahan etnik dan negeri serta jumlah yang akan dikategorikan sebagai golongan miskin berdasarkan Paras Garis Kemiskinan terkini



**JAWAPAN****YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Perangkaan tidak menerbitkan statistik kelahiran anak bagi isi rumah mengikut kategori B40, M40 dan T20 mengikut etnik dan negeri.
2. Walau bagaimanapun statistik kelahiran hidup diterbitkan mengikut etnik dan negeri adalah seperti dijadual berikut:

**JUMLAH KELAHIRAN HIDUP MENGIKUT ETNIK DAN NEGERI, 2019**

NEGERI	JUMLAH	BUMIPUTERA	CINA	NDIA	LAIN-LAIN <sup>1</sup>
<b>Malaysia</b>	<b>487,957</b>	<b>384,454</b>	<b>57,985</b>	<b>20,677</b>	<b>24,841</b>
Johor	60,098	42,769	12,266	3,318	1,745
Kedah	34,414	30,359	1,810	1,269	976
Kelantan	36,738	35,786	439	34	479
Melaka	14,086	11,533	1,752	557	244
Negeri Sembilan	17,402	13,376	1,914	1,748	364
Pahang	25,776	22,988	1,691	536	561
Perak	32,893	25,195	4,543	2,683	472
Perlis	4,044	3,788	134	14	108
Pulau Pinang	20,146	12,012	5,478	1,651	1,005
Sabah	52,686	43,283	1,595	80	7,728
Sarawak	36,438	29,330	6,358	67	683
Selangor	95,211	67,735	14,002	7,198	6,276
Terengganu	27,010	26,477	163	8	362
W.P. Kuala Lumpur	27,036	16,139	5,775	1,485	3,637
W.P. Labuan	1,665	1,431	54	4	176
W.P. Putrajaya	2,314	2,253	11	25	25

<sup>1</sup>: Termasuk Bukan Warganegara

Sumber: Perangkaan Penting, Malaysia 2019

3. Berdasarkan pendapatan garis kemiskinan yang telah disemak semula pada tahun 2019, kadar kemiskinan keseluruhan telah bertambah baik daripada 7.6% pada tahun 2016 kepada 5.6% pada tahun 2019. Bumiputera telah mencatatkan penurunan insiden kemiskinan mutlak kepada 7.2 peratus pada tahun 2019 berbanding 9.7 peratus pada tahun 2016. Cina dan India juga menunjukkan insiden kemiskinan yang lebih rendah berbanding 2016 dengan masing-masing merekodkan insiden kemiskinan 1.4 peratus dan 4.8 peratus. Manakala kadar kemiskinan mengikut negeri adalah seperti berikut:

NEGERI	2016 (%)	2019 (%)
Johor	6.2	3.9
Kedah	14.3	8.8
Kelantan	19.5	12.4
Melaka	2.6	3.9
Negeri Sembilan	6.4	4.3
Pahang	9.2	4.3
Pulau Pinang	2.2	1.9
Perak	8.2	7.3
Perlis	7.2	3.9
Selangor	0.8	1.2
Terengganu	6.8	6.1
Sabah	23.9	19.5
Sarawak	11.9	9.0
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	0.8	0.2
Wilayah Persekutuan Labuan	6.8	3.1
Wilayah Persekutuan Putrajaya	-	0.4
<b>MALAYSIA</b>	<b>7.6</b>	<b>5.6</b>

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB SIVAKUMAR VARATHARAJU NAIDU  
[ BATU GAJAH ]**

**TARIKH : 2 DISEMBER 2020 (RABU)**

**SOALAN**

**YB SIVAKUMAR VARATHARAJU NAIDU [ BATU GAJAH ]** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan kerugian yang dialami oleh sektor pelancongan akibat penularan COVID-19. Sebelum ini, sektor pelancongan menyumbangkan lebih kurang 15% GDP negara. Berapa jumlah hotel yang telah gulung tikar dan apakah tindakan Kementerian untuk membantu industri perhotelan yang amat terjejas kerana pandemik ini.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), statistik entiti perniagaan perhotelan yang telah menamatkan perniagaan dalam tempoh bulan Mac hingga Oktober 2020 adalah seperti di bawah. Data ini tidak memaklumkan alasan penamatan perniagaan dan juga maklumat lain seperti tarikh mula kes penggulangan difailkan di mahkamah.

- (i) Sebanyak 77 buah syarikat dengan kod 55101 hingga 55109 iaitu *hotels and resort hotels, motels, apartment hotels, chalets, rest house/guest house, bed and breakfast units, hostels, home stay and other short term accomodation activities* telah menamatkan perniagaan. Manakala penggulangan oleh mahkamah dan penggulangan secara sukarela untuk syarikat dengan kod yang sama adalah sebanyak 32 buah syarikat;
- (ii) Manakala penggulangan oleh mahkamah dan penggulangan secara sukarela untuk syarikat dengan kod yang sama adalah sebanyak 32 buah syarikat.

2. Penularan wabak COVID-19 telah membawa kesan negatif yang sangat besar bukan sahaja kepada industri pelancongan tempatan malah turut menjejaskan industri ini di seluruh dunia. Susulan penularan pandemik ini, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) menganggarkan industri pelancongan tempatan mengalami kerugian melebihi RM100 bilion bagi tahun 2020 akibat kehilangan perbelanjaan pelancong terutamanya yang berkaitan dengan penginapan, pengangkutan, membeli-belah, makanan dan minuman.

3. Sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan telah mengumumkan beberapa pakej rangsangan ekonomi (PRE) seperti PRIHATIN, PRIHATIN PKS TAMBAHAN dan PENJANA. Inisiatif ini adalah untuk membantu meringankan beban rakyat dan kelangsungan perniagaan. Ia turut boleh dimanfaatkan oleh penggiat industri pelancongan dan seterusnya memulihkan industri ini. Antara bantuan dan insentif yang disediakan adalah:

- (i) Skim Pembiayaan Pelancongan PENJANA bagi PKS sektor pelancongan (*PENJANA Tourism Funding – PTF*);
- (ii) pengecualian cukai pelancongan sepenuhnya bagi tempoh mulai 1 Julai 2020 hingga 30 Jun 2021;
- (iii) pengecualian cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan penginapan mulai 1 September 2020 hingga 30 Jun 2021;
- (iv) memperkenalkan *Employment Retention Programme* (ERP), iaitu bantuan segera (*immediate financial assistance*) sebanyak RM600 sebulan kepada majikan bagi setiap pekerja yang diminta bercuti tanpa gaji (CTG) akibat penularan COVID-19;
- (v) penyambungan Program Subsidi Upah (PSU) untuk 3 bulan tambahan bagi majikan sedia ada yang sedang menerima PSU dan bantuan PSU selama 6 bulan bagi semua permohonan baru mulai 1 Oktober 2020 hingga 31 Disember 2020;
- (vi) inisiatif bantuan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) seperti Skim Pembiayaan PKS PENJANA dan Geran Padanan Pendigitalan PKS;
- (vii) potongan cukai untuk perbelanjaan berkaitan COVID-19 seperti pembelian PPE/ pengimbas suhu dan kos ujian saringan; dan

- (viii) penawaran penangguhan atau moratorium bayaran pinjaman bersasar yang telah dilanjutkan sehingga 31 Disember 2020, atau 2021 bergantung kepada institusi kewangan masing-masing.

4. Kerajaan juga telah mengumumkan pelanjutan pelepasan cukai pendapatan individu sehingga RM1,000 ke atas perbelanjaan melancong dalam negara sehingga 31 Disember 2021 bagi merancakkan pelancongan domestik negara.

5. Pada masa yang sama, MOTAC turut menyediakan kemudahan pembiayaan seperti Tabung Infrastruktur Pelancongan (TIP) menerusi Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB) dan Tabung Khas Pelancongan (TKP) yang diuruskan oleh Bank Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia Berhad (SME Bank) bagi membantu pengusaha pelancongan untuk membangunkan dan mengembangkan produk dan projek pelancongan. Inisiatif ini boleh membantu penggiat industri pelancongan dan yang berkaitan untuk terus mampan dan berdaya tahan, lebih-lebih lagi dalam tempoh pandemik ini.

6. MOTAC turut giat meneliti pelbagai cara kreatif untuk membantu industri pelancongan negara bangkit semula. Baru-baru ini telah dilancarkan bantuan bersasar dalam bentuk rebat/diskaun atau subsidi pakej pelancongan melalui platform dalam talian, serta kerjasama dengan persatuan pelancongan tempatan, taman tema, persatuan Homestay dan membeli belah bagi menawarkan pakej pelancongan yang menarik kepada rakyat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN LIM GUAN ENG  
[ BAGAN ]**

**TARIKH : 2 DISEMBER 2020 (RABU)**

**SOALAN NO. 22**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan prestasi PETRONAS yang merosot, impak kepada negara dan sama ada benar tawaran jawatan Pengerusi Petronas kepada YB Gua Musang berdasarkan satu transaksi politik yang akan menjejaskan keyakinan pasaran kepada Petronas.

**JAWAPAN**

**YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kumpulan PETRONAS mencatatkan kerugian selepas cukai (LAT) sebanyak RM21 bilion pada suku kedua berakhir 30 Jun 2020 berbanding keuntungan selepas cukai (PAT) RM14.7 bilion dalam tempoh sama 2019.
2. Kerugian ini disebabkan oleh pendapatan yang rendah dan rosot nilai terhadap aset yang ketara berikutan penurunan harga minyak ekoran permintaan lemah akibat penularan wabak COVID-19 dan keadaan lebihan bekalan dalam pasaran. Pada suku kedua 2020, harga minyak mentah Brent terus jatuh ke paras purata sekitar AS\$29.20 setong berbanding AS\$68.83 setong pada suku kedua tahun 2019.
3. Pada separuh pertama tahun ini, industri minyak dan gas global berdepan cabaran besar akibat permintaan lemah dan lambakan bekalan yang disifatkan sebagai "*Great Reset*". Keadaan ini telah memberi implikasi yang negatif kepada harga minyak dunia serta kedudukan kewangan kebanyakan syarikat minyak dan gas utama dunia termasuk PETRONAS.
4. Keadaan pasaran yang mencabar dan tidak menentu ini dijangka akan berterusan sehingga separuh kedua 2020. Unjuran yang dibuat oleh Rystad Energy pada bulan April 2020 menjangkakan syarikat minyak dan gas global akan kehilangan pendapatan sebanyak AS\$1 trilion pada tahun ini berikutan keadaan pasaran semasa.
5. Dalam hal ini, sebagai syarikat minyak dan gas negara, PETRONAS terus komited dengan usaha untuk mempertahankan aliran pendapatan dan mengoptimumkan kos bagi mengimbangi kesan



negatif situasi harga minyak rendah terhadap keuntungannya pada masa yang sama menjaga kepentingan strategik negara.

6. Untuk strategi tempoh jangka masa panjang, PETRONAS akan terus fokus dalam melaksanakan strategi pertumbuhan serampang tiga mata atau *three-pronged strategy* iaitu:
  - (i) memaksimumkan penjanaaan tunai;
  - (ii) memperluas perniagaan teras dan menggiatkan usaha mengekalkan organisasi dalam mengharungi perubahan; dan
  - (iii) memastikan kemampanan jangka panjang syarikat melalui penglibatan di dalam peluang perniagaan baharu.
7. PETRONAS juga akan terus meninjau peluang dan portfolio perniagaan baharu bagi memantapkan lagi daya tahannya dalam berdepan persekitaran pasaran global yang amat mencabar terutamanya di dalam tenaga boleh baharu seperti solar dan tenaga angin.

Tuan Yang di-Pertua,

8. Tawaran jawatan kepada mana-mana individu tidak akan menjejaskan keyakinan pasaran terhadap Petronas. Ini adalah kerana Petronas adalah sebuah syarikat yang diuruskan dengan baik dan diterajui oleh pasukan pengurusan yang cekap. Keyakinan pasaran serta para pelabur bergantung kepada pelbagai faktor seperti pertumbuhan ekonomi negara dan perdagangan dunia yang sangat terkesan dengan krisis pandemik COVID-19 yang sedang melanda dunia. Faktor ini ditambah dengan kejatuhan teruk harga minyak mentah dan perang perdagangan (*trade war*) antara China dan Amerika Syarikat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB LIM LIP ENG [ KEPONG ]**

**TARIKH : 2 DISEMBER 2020 (RABU)**

**SOALAN**

**YB LIM LIP ENG [ KEPONG ]** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan pelan Kerajaan bagi menyelamatkan sektor industri pelancongan yang berada pada tahap kritikal akibat pandemik COVID-19.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Penularan wabak COVID-19 telah membawa kesan negatif yang teruk bukan sahaja kepada industri pelancongan tempatan malah turut menjejaskan industri ini di seluruh dunia. Untuk membantu meringankan impak terhadap penggiat industri dan seterusnya memulihkan industri pelancongan tempatan, Kerajaan telah mengumumkan beberapa pakej rangsangan ekonomi (PRE) iaitu PRIHATIN, PRIHATIN PKS TAMBAHAN dan PENJANA. Antara bantuan dan insentif yang disediakan adalah:

- (i) Skim Pembiayaan Pelancongan PENJANA bagi PKS sektor pelancongan;
- (ii) pengecualian cukai pelancongan sepenuhnya bagi tempoh mulai 1 Julai 2020 hingga 30 Jun 2021;
- (iii) pengecualian cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan penginapan mulai 1 September 2020 hingga 30 Jun 2021;
- (iv) pelepasan khas cukai individu sehingga RM1,000 untuk perbelanjaan pelancongan domestik;
- (v) Program Subsidi Upah (PSU) untuk 3 bulan tambahan bagi majikan sedia ada yang sedang menerima PSU dan bantuan PSU selama 6 bulan bagi semua permohonan baru mulai 1 Oktober 2020 hingga 31 Disember 2020;
- (vi) inisiatif bantuan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) seperti Skim Pembiayaan PKS PENJANA dan Geran Padanan Pendigitalan PKS;
- (vii) potongan cukai untuk perbelanjaan berkaitan COVID-19 seperti pembelian PPE/ pengimbas suhu dan kos ujian saringan; dan

- (viii) penawaran penangguhan atau moratorium bayaran pinjaman bersasar.

2. Di pihak Kementerian sendiri, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) telah dan akan terus melaksanakan inisiatif-inisiatif khusus seperti:

- (i) menawarkan kursus *Domestic Tourism Vibes* secara dalam talian dengan kerjasama Persatuan Institut-institut Latihan Pelancongan Malaysia (ATTIM) dan Malaysian Tourist Guide Council (MTGC);
- (ii) pengecualian bayaran fi lesen bagi pengusaha-pengusaha pelancongan dan pemandu pelancong bermula 17 Mac hingga 31 Disember 2020;
- (iii) pemberian diskaun pembayaran kompaun sebanyak 40% kepada semua pengusaha pelancongan dan pemandu pelancong berlesen yang dikenakan kompaun oleh Kementerian sebelum 31 Disember 2020;
- (iv) pelanjutan tempoh bayaran kompaun sehingga 31 Disember 2020 bagi semua kompaun yang dikeluarkan kepada syarikat atau pemandu pelancong berlesen;
- (v) melonggarkan syarat pembaharuan lesen sedia ada bagi syarikat pengendali pelancongan;
- (vi) melanjutkan permit bas persiaran kepada 15 tahun bagi bas persiaran di Sabah, Sarawak dan Labuan;
- (vii) menyediakan platform dalam talian seperti [www.malaysia.travel](http://www.malaysia.travel) bagi membolehkan penggiat industri pelancongan memapar, mempromosi dan menawarkan pakej dan produk pelancongan mereka; dan

- (viii) melancarkan Kempen “*Meet In Malaysia*” bagi menggalakkan penganjuran MICE secara hibrid iaitu secara fizikal dan dalam talian serentak di Malaysia sebagai satu bentuk insentif untuk membantu dan menyokong penggiat industri MICE dalam menganjurkan acara perniagaan di Malaysia.

3. Sementara itu, sebaik sahaja pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) dan pembukaan semula aktiviti ekonomi bermula 10 Jun 2020 yang lalu, MOTAC terus mengambil beberapa langkah untuk merancakkan semula pelancongan domestik dan pada masa yang sama membudayakan pematuhan kepada operasi standard atau SOP-SOP yang telah ditetapkan.

4. Antara program yang telah dan akan dilaksanakan termasuklah:

- (i) “Siri Jelajah Semarakkan Pelancongan Domestik” bagi menggalakkan pelancongan dalam negara yang telah dilancarkan pada 13 Jun 2020 oleh Kementerian ini di seluruh negara. Setakat ini, siri promosi ini telah diadakan di negeri Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Sarawak, Kuala Lumpur, Perlis dan Kedah. Siri promosi tersebut akan diteruskan secara berperingkat apabila keadaan mengizinkan di mana ia akan melibatkan pendedahan kepada produk-produk pelancongan baru serta produk warisan seni dan kebudayaan negara;
- (ii) Pelancaran “Pakej Istimewa Cuti-Cuti Malaysia Bagi Penjawat Awam” pada 3 September 2020 bagi menggalakkan lagi penjawat awam untuk bercuti dalam negara seterusnya membantu meningkatkan pendapatan operator pelancongan yang turut serta; dan
- (iii) “Siri Jelajah Kempen Pembudayaan Norma Baharu” yang akan dijalankan dengan kerjasama Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)

**NO. SOALAN : 23**

bagi memberi pendedahan kepada penggiat industri pelancongan akan norma-norma baharu yang perlu diamalkan.

5. Melalui Belanjawan 2021, Kerajaan akan memberikan penggiat sektor pelancongan pengecualian levi tabung HRDF selama 6 bulan berkuatkuasa 1 Januari 2021 bagi membantu mengurangkan beban aliran tunai syarikat yang terjejas akibat penularan COVID-19.

6. Pada masa yang sama, MOTAC akan mensasarkan bantuan dalam bentuk rebat/diskaun atau subsidi pakej pelancongan melalui platform dalam talian serta kerjasama dengan persatuan pelancongan tempatan, taman tema dan persatuan Homestay bagi menawarkan pakej pelancongan yang menarik kepada rakyat. Inisiatif ini akan dilaksanakan apabila situasi semasa mengizinkan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' ABDULLAH SANI BIN ABDUL  
HAMID [ KAPAR ]**

**TARIKH : 2 DISEMBER 2020 (RABU)**

**SOALAN**

**Dato' Abdullah Sani Bin Abdul Hamid [ Kapar ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah langkah pencegahan dalam menggunakan kanak-kanak untuk mendapatkan sumbangan orang ramai yang berselindung di sebalik nama sekolah tahfiz dan sebagainya.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) memandang serius terhadap isu eksploitasi terhadap kanak-kanak seperti pengemisan, memungut derma atau sumbangan daripada orang ramai. Mengikut Akta Kanak-Kanak 2001, aktiviti sedemikian adalah dilarang kerana ianya menjejaskan kebajikan, kesejahteraan serta keselamatan kanak-kanak. Oleh itu, mana-mana orang yang menggunakan kanak-kanak untuk tujuan tersebut jika disabitkan dengan kesalahan ini boleh denda tidak melebihi RM20,000 atau pemenjaraan tidak melebihi lima (5) tahun atau kedua-dua sekali serta mandatori perintah khidmat masyarakat.

Bagi menangani isu ini, JKM sentiasa memberikan kerjasama dalam menyediakan perkhidmatan yang diperlukan kepada pihak berkuasa agama negeri semasa operasi bersepadu, berjadual, *ad hoc* atau aduan dalam melindungi kanak-kanak daripada dieksploitasi. Antaranya perkhidmatan sokongan yang disediakan ialah bantuan kewangan, kaunseling, kemahiran keibubapaan, penempatan keluarga pelihara dan orang layak dan sesuai bagi kanak-kanak serta keluarga yang terdedah kepada pengemisan atau kutipan sumbangan.

Manakala langkah pencegahan bagi menangani isu ini mengikut sumber daripada JAKIM seperti berikut:

- i. Pembangunan Pelan Tindakan Menangani Isu Kutipan Derma di Kalangan Kanak-Kanak dengan kerjasama pelbagai agensi;
- ii. Pembentangan Pelan Tindakan Kutipan Derma di Kalangan Kanak-Kanak dalam Mesyuarat *Task Force* bagi Menangani Pengemisan dan Kutipan Sumbangan di JKM;
- iii. Pengedaran Pelan Tindakan Kutipan Derma di Kalangan Kanak-Kanak untuk tindakan Jabatan Agama Islam Negeri seluruh Malaysia mulai tahun 2013;



- iv. Kerjasama JAKIM Bersama Premis Stesen Minyak dan Premis Bank bagi menyelaraskan gerak kerja dan tindakan menyelamatkan kanak-kanak daripada kuitipan derma dan sumbangan;
- v. Penguatkuasaan operasi secara bersepadu dengan kerjasama di antara agensi seperti JAKIM, Jabatan Agama Islam Negeri, PDRM, JKM dan PBT seperti Operasi Kanak-kanak (*Ops Kids*) dan Ops Kutip sepanjang bulan Ramadan; dan
- vi. Aktiviti pencegahan dan penguatkuasaan kutipan khairat tanpa kebenaran dan yang melibatkan kanak-kanak sentiasa dilaksanakan oleh Bahagian Penguatkuasaan Syariah Jabatan Agama Islam Negeri setiap tahun.

Tuan Yang di-Pertua,

Usaha bagi pencegahan eksploitasi kanak-kanak bagi kutipan derma atau sumbangan bukan tanggungjawab agensi Kerajaan sahaja. Seharusnya tanggungjawab ini merupakan tanggungjawab bersama masyarakat. Oleh yang demikian, kanak-kanak, ibu bapa, pengendali tahfiz atau di pelbagai tempat yang ada hubung kait dengan kanak-kanak digalakkan melaporkan kes-kes eksploitasi kanak-kanak melalui kutipan derma atau sumbangan kepada pihak berkuasa. Aduan sedemikian boleh dibuat menerusi Talian Kasih 15999 atau Whatsapp Talian Kasih di 019-26 15999. Di samping itu, ibu bapa juga bertanggungjawab melawat anak yang dihantar ke pusat jagaan, rumah anak yatim atau pusat tahfiz secara berkala untuk mengetahui kebajikan kanak-kanak dan permasalahan mereka.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK DR. SHAHRUDDIN BIN MD.  
SALLEH [ SRI GADING ]**

**TARIKH : 2 DISEMBER 2020 (RABU)**

**SOALAN NO. 25:**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan benarkah kenyataan umum oleh rakyat yang mengatakan bahawa Kerajaan gagal menangani wabak COVID-19 yang berpunca dari PRN negeri Sabah baru-baru ini.

**JAWAPAN**

**YB DATUK SERI MOHD REDZUAN BIN MD. YUSOF,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pilihanraya Negeri (PRN) Sabah adalah sesuatu yang tidak dapat dielakkan kerana ianya tertakluk kepada peruntukan di dalam Perlembagaan Persekutuan di mana pilihanraya mesti diadakan selepas Dewan Undangan Negeri terbubar. Prosedur Operasi Standard (SOP) berkaitan pilihanraya juga telahpun dikeluarkan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) bagi mengelakkan berlakunya penularan wabak COVID-19 susulan daripada PRN yang dilaksanakan.
2. Adalah diakui bahawa PRN Sabah merupakan antara faktor berlakunya peningkatan semula atau berlakunya gelombang ketiga wabak COVID-19 dalam negara terutamanya di Sabah dan ditambah juga dengan pembolosan masuk Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) yang positif COVID-19 telah memburukkan lagi keadaan.
3. Namun demikian, sumber daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mendapati bahawa hanya 1/3 daripada kluster kes COVID-19 di Selangor berpunca daripada jangkitan dari Sabah manakala 2/3 lagi kluster kes merupakan jangkitan yang berasal dari dalam Selangor sendiri.
4. Kerajaan akan terus berusaha memerangi dan membendung wabak ini dan berterima kasih di atas kepercayaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong ke atas usaha-usaha yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan dalam melawan wabak COVID-19 sehingga kini dan Baginda turut menzahirkan keyakinan bahawa Kerajaan dan Perkhidmatan Awam Negara ini terus mampu untuk menangani krisis wabak COVID-19 yang melanda Negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN RUSNAH BINTI ALUAI  
[ TANGGA BATU ]**

**TARIKH : 2 DISEMBER 2020 (RABU)**

**SOALAN**

**Puan Rusnah binti Aluai [ Tangga Batu ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah persempadanan kawasan pilihan raya di sebelah kiri Lebuhraya SPA di Sungai Udang boleh dikaji semula kerana penduduk sering meminta bantuan dan khidmat dari Parlimen Tangga Batu kerana lokasi yang berhampiran.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagaimana Ahli-Ahli Yang Berhormat sedia maklum, urusan Kajian Semula Persempadanan bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu telah selesai dilaksanakan pada tahun 2018, manakala bagi Negeri Sarawak dan Sabah pula adalah masing-masing pada tahun 2015 dan 2017.

Perkara 113 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa kajian semula persempadanan boleh dimulakan dalam dua cara iaitu:-

- pertama adalah apabila berlaku pindaan undang-undang ke atas komposisi bilangan keanggotaan Ahli Dewan Rakyat atau Ahli Dewan Undangan Negeri; dan

- kaedah yang kedua pula adalah tamat lat tempoh sekurang-kurangnya 8 tahun daripada tarikh siap kajian semula persempadanan sebelumnya. Dalam hal ini, lat tempoh 8 tahun bagi kajian semula persempadanan Negeri Sarawak akan berakhir pada tahun 2023, Negeri Sabah pada tahun 2025 manakala Negeri-Negeri Tanah Melayu pula pada tahun 2026.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO  
[ BATU KAWAN ]**

**TARIKH : 2 DISEMBER 2020 (RABU)**

**SOALAN**

**Puan Kasthuriraani A/P Patto [ Batu Kawan ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah usaha Kerajaan untuk membendung perkahwinan kanak-kanak serta apakah status Pelan Strategi Kebangsaan Bagi Menangani Punca Perkahwinan Bawah Umur, jawatankuasa PEMANDU dan apakah usaha Kerajaan terhadap 7 negeri yang tidak bersetuju untuk menetapkan 18 sebagai had umur perkahwinan dan nyatakan bilangan perkahwinan di bawah umur 18 yang berlangsung di mahkamah sivil dan mahkamah Syariah dari bulan Januari 2020 sehingga kini dan di mana.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, Kerajaan telah melancarkan Pelan Strategi Kebangsaan Bagi Menangani Punca Perkahwinan Bawah Umur pada awal tahun ini. Pada masa yang sama, Kerajaan turut meneruskan usaha untuk memantau pelaksanaan Pelan tersebut melalui Jawatankuasa Pemandu Pelan yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Melalui Jawatankuasa Pemandu tersebut, kerjasama berterusan antara kementerian dan agensi berkaitan dalam menangani punca perkahwinan bawah umur dapat diteruskan.

Jawatankuasa Pemandu ini melaksanakan fungsinya sepanjang tempoh Pelan tersebut dilaksanakan iaitu mulai tahun 2020 sehingga 2025. Jawatankuasa ini juga perlu bersidang sebanyak dua (2) kali dalam setahun. Untuk makluman Yang Berhormat jua, Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu ini telah bersidang pada 24 Ogos 2020 yang lepas.

Tuan Yang di-Pertua,

Memandangkan Malaysia terdiri daripada masyarakat yang berbilang kaum yang mempunyai adat, budaya dan agama yang berlainan, maka rundingan dan sesi libat urus bersama pakar-pakar berkaitan termasuk pakar kanak-kanak, pakar budaya dan pakar syarie masih perlu dilaksanakan bagi memastikan pandangan daripada semua pihak diambil kira dalam penetapan had minimum umur perkahwinan pada umur 18 tahun terutamanya di negeri-negeri yang masih belum bersetuju.

Berdasarkan rekod Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM), bagi pasangan Muslim, sejumlah 520 kes permohonan perkahwinan bawah umur dicatatkan bermula pada awal Januari sehingga September 2020. Kes yang paling banyak direkodkan bagi tempoh tersebut adalah di Sarawak sebanyak 83 kes, seterusnya di Kelantan sebanyak 80 kes, dan

diikuti negeri Sabah sebanyak 63 kes. Manakala, bagi pasangan bukan Islam berdasarkan rekod Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), sejumlah 23 kes telah didaftarkan bagi tempoh tersebut. Kes yang paling banyak direkodkan bagi tempoh tersebut adalah di Sarawak iaitu sebanyak 7 kes, seterusnya diikuti oleh Selangor yang mencatatkan sebanyak 6 kes.

Sebagaimana yang Yang Berhormat sedia maklum, data perkahwinan bawah umur direkodkan oleh pelbagai agensi berbeza dengan definisi dan julat umur yang berbeza, termasuklah perkahwinan adat bukan Islam yang tidak direkodkan oleh JPN. Sehubungan itu, data terkini yang memberi gambaran yang tepat mengenai perkahwinan secara keseluruhan di bawah umur 18 tahun adalah data tahun 2018 berdasarkan statistik daripada Jabatan Perangkaan Malaysia. Pada tahun 2018, sejumlah 1,856 kanak-kanak terlibat dalam perkahwinan di bawah umur 18 tahun dengan pecahan 1,674 dari etnik Bumiputera, 100 dari etnik Cina, 20 dari etnik India, dan 62 dari etnik lain-lain.



**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN KARUPAIYA A/L MUTUSAMI  
[ PADANG SERAI ]**

**TARIKH : 2 DISEMBER 2020 (RABU)**

**SOALAN NO. 28**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan terhadap anggota kabinet Kerajaan yang melanggar PKP terutama semasa Pilihan Raya Negeri (PRN) Sabah.

**JAWAPAN**

**YB DATUK SERI MOHD REDZUAN BIN MD. YUSOF,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) merupakan satu langkah kawalan dan pencegahan yang dilaksanakan oleh kerajaan di seluruh negara bagi menghadapi pandemik COVID-19. Pengisytiharan kawalan pergerakan ini adalah berdasarkan kepada Akta Pencegahan Dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [Akta 342].
2. Di bawah Akta ini, Peraturan-peraturan dan Prosedur-prosedur operasi standard (SOP) tertentu telah dikeluarkan untuk dipatuhi oleh masyarakat bagi mencegah dan memutuskan rantaian wabak COVID-19 ini. Peraturan dan SOP ini dikuatkuasakan secara berterusan sepanjang tempoh PKP oleh agensi-agensi yang telah diberi kuasa dan sebarang pelanggaran kepada Peraturan dan SOP yang dikeluarkan akan diambil tindakan undang-undang sama ada dikenakan kompaun atau hukuman penjara yang diputuskan oleh mahkamah.
3. SOP yang dikeluarkan dalam membendung penularan COVID-19 ini adalah terpakai kepada semua tanpa mengira pangkat dan kedudukan. Sebarang pelanggaran kepada SOP dan Peraturan akan diambil tindakan berdasarkan peruntukan Undang-Undang di bawah Akta 342 seperti yang saya sebutkan tadi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN TONY PUA KIAM WEE**

**[ DAMANSARA ]**

**TARIKH : 2 DISEMBER 2020 (RABU)**

**SOALAN NO. 29**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kedudukan kes antara PT Eagle High Plantations dan Lembaga FELDA di Prosiding Timbang Tara di Pusat Timbang Tara Antarabangsa Singapura dan apakah langkah selajutnya yang akan diambil oleh pihak FELDA.

**JAWAPAN**

**YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Prosiding Timbang Tara telah dimulakan oleh PT Rajawali Capital International ("**PT RCI**") terhadap anak syarikat milikan penuh FELDA iaitu FIC Properties Sdn Bhd ("**FICP**") dan bukannya terhadap Lembaga FELDA seperti yang ditanya oleh Yang Berhormat Damansara.
2. Pendengaran Kes (*Hearing*) Prosiding Timbang Tara ini sepatutnya dijalankan pada bulan Oktober 2020. Namun, disebabkan oleh situasi Covid19 dunia dan sekatan perjalanan antarabangsa. Pendengaran kes tersebut telah ditangguhkan kepada satu tarikh baru yang akan ditetapkan oleh pihak Singapore International Arbitration Centre ("**SIAC**"). Buat masa ini, segala persiapan bagi Pendengaran Kes Prosiding Timbang Tara ini telah berjalan mengikut garis masa yang ditetapkan oleh pihak SIAC.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN LIM KIT SIANG  
[ ISKANDAR PUTERI ]**

**TARIKH : 2 DISEMBER 2020 (RABU)**

**SOALAN**

**Tuan Lim Kit Siang [ Iskandar Puteri ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan rancangan sama ada pihak Suruhanjaya Pilihan Raya akan membenarkan pengundian pos untuk pengundi luar kawasan yang berada di dalam negara atau negara jiran seperti Indonesia, Singapura, dan Brunei

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Perkara 119 Perlembagaan Persekutuan menetapkan salah satu kelayakan untuk didaftarkan sebagai pemilih ialah bermastautin dalam mana-mana Bahagian Pilihan Raya. Bagi maksud tersebut, SPR menentukan Bahagian Pilihan Raya seseorang pemilih berdasarkan kepada alamat pemastautin pemilih seperti di kad pengenalan.

Pada masa ini, SPR tidak bercadang untuk memberikan kemudahan undi pos kepada pengundi luar kawasan yang berada di dalam negara bagi pelaksanaan Pilihan Raya Umum atau Pilihan Raya Kecil. Kemudahan mengundi secara pos hanya diberikan kepada pengundi dalam kategori seperti berikut:

- i. Ahli SPR dan kakitangan SPR;
- ii. Petugas pilihan raya;
- iii. Tentera, Polis, Polis Pasukan Gerak Am (PGA) yang bertugas pada Hari Mengundi Awal;
- iv. Pengamal media yang bertugas membuat liputan pilihan raya di luar kawasan pada Hari Mengundi;
- v. Kakitangan bagi sembilan Agensi (Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Penjara Malaysia, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, Sukarelawan Simpanan Polis, Jabatan Imigresen Malaysia, Jabatan Kesihatan Malaysia, Jabatan Pendaftaran Negara-UTC, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia, Agensi Pengurusan Bencana Negara) yang bertugas pada hari mengundi;
- vi. Pengundi Malaysia yang berada di luar negara (kecuali Brunei, Singapura, Kalimantan dan Selatan Thai); dan
- vii. Pengundi Tidak Hadir (PTH) luar negara iaitu penjawat awam yang berkhidmat di luar negara dan pasangan serta pelajar universiti/institusi tinggi sepenuh masa di luar negara dan pasangan.

SPR juga menggalakkan pengundi untuk memohon pertukaran Bahagian Pilihan Raya berdasarkan tempat bermastautin terkini bagi memudahkan urusan pengundian bagi suatu pilihan raya umum atau kecil.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' WIRA MOHD ANUAR BIN MOHD**  
**TAHIR**  
**KAWASAN : TEMERLOH**  
**TARIKH : 02 DISEMBER 2020 (RABU)**

**SOALAN NO. 31**

minta **MENTERI KANAN KERJA RAYA** menyatakan bilakah projek jalan raya Central Spine Road (CSR) Pakej 2-5; dari Gua Musang, Kelantan ke Bentong, Pahang akan siap sepenuhnya dan bilakah Pakej 6 dari Bentong ke Simpang Pelangai, Pahang akan dimulakan pembinaannya.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Projek *Central Spine Road* (CSR) dari Kuala Krai, Kelantan ke Simpang Pelangai, Pahang sepanjang 310.1km telah pun dimulakan secara berperingkat dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) dan dibahagikan kepada enam (6) pakej utama iaitu:

- 1) Pakej 1: Kuala Krai ke Jambatan Sungai Lakit, Kelantan (47km);
- 2) Pakej 2: Jambatan Sungai Lakit ke Gua Musang, Kelantan (59.6km);
- 3) Pakej 3: Gua Musang ke Kampung Relong, Kuala Lipis, Pahang (93.4km);
- 4) Pakej 4: Kampung Relong, Kuala Lipis ke Raub, Pahang (44.6km);
- 5) Pakej 5: Raub ke Bentong, Pahang (54.1km); dan
- 6) Pakej 6: Bentong ke Karak, Pahang (11.4km).

Untuk makluman, sehingga kini sepanjang 66.6 km atau 21.5% daripada keseluruhan jajaran CSR telah siap pembinaan dan telah dibuka kepada pengguna iaitu dari Merapoh ke Kampung Seberang Jelai, Pahang.

Manakala sembilan (9) seksyen sepanjang 92.17 km (29.7%) daripada keseluruhan jajaran CSR pula sedang dalam peringkat pembinaan iaitu:

- 1) Seksyen 3B & 3C: KM180.5 FT08 ke Bulatan Gua Musang sepanjang 7.0 km dijangka siap pada Jun 2023;



- 2) Seksyen 3D dari Bulatan Gua Musang ke Mentara, Kelantan sepanjang 10.5 km dijangka siap pada Oktober 2022;
- 3) Seksyen 3J : Kampung Seberang Jelai ke Kampung Relong sepanjang 6.9 km dijangka siap pada Jun 2023;
- 4) Seksyen 4C : Sega Lama ke Kuala Dong sepanjang 5.8 km dijangka siap pada Jun 2023;
- 5) Seksyen 4D : Kuala Dong ke Kampung Tanah Bercangkul (Raub) sepanjang 13.6 km dijangka siap pada Jun 2023;
- 6) Seksyen 5A iaitu Raub Bypass, Pahang sepanjang 9.6 km dijangka siap pada September 2022;
- 7) Seksyen 5B dari Kampung Orang Asli Sungai Chandan ke Kampung Asap sepanjang 16.0 km dijangka siap pada Januari 2022; dan
- 8) Seksyen 5D iaitu Bentong Bypass, Pahang (10.4 km) dan Skop Tambahan Seksyen 5C2 : Kampung Asap ke Kampung Sertik (12.32 km) dijangka siap pada Januari 2021

Bagi peringkat perolehan, terdapat empat (4) seksyen sepanjang 64.85 km iaitu:

- 1) Seksyen 2B: Paloh 2 ke Bukit Sejuk 20 km;
- 2) Seksyen 2C: Bukit Sejuk ke Bandar Baru Gua Musang 19.6 km;
- 3) Seksyen 4A: Kampung Relong ke Ladang Jerkoh 15 km;
- 4) Seksyen 4B: Ladang Jerkoh ke Sega Lama 10.25 km.

## **NO SOALAN : 31**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pakej pembinaan Seksyen 2A: Jambatan Sungai Lakit ke Paloh 2, Seksyen 3A: *Gua Musang East-West Link* dan Pakej 6: Bentong ke Karak, Pahang pula, permohonan kelulusan pelaksanaan telah di angkat ke Unit Perancang Ekonomi (EPU) Jabatan Perdana Menteri untuk dilaksanakan di bawah RMKe-12.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN WONG KAH WHO  
[IPOH TIMUR]**

**TARIKH : 2 DISEMBER 2020 (RABU)**

**SOALAN NO. 32:**

Minta YAB **Perdana Menteri** menyatakan statistik mereka yang pulang dari luar negara sejak pelaksanaan PKP dan berapa antara mereka telah didakwa akibat daripada ketidakpatuhan perintah PKP khususnya perintah kuarantin wajib

**JAWAPAN**

**YB DATUK SERI MOHD REDZUAN BIN MD. YUSOF,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sehingga 15 November 2020, bagi rakyat Malaysia yang pulang daripada luar negara dan warganegara asing yang masuk ke Malaysia mulai 24 Julai 2020, bilangan keseluruhan kemasukan melalui KLIA & KLIA2 adalah sebanyak 52,456 orang. Dari jumlah berkenaan, sebanyak 29,637 orang atau 56% adalah warganegara manakala 22,819 orang atau 44% adalah terdiri daripada bukan warganegara.
2. Seramai 5 orang yang telah melanggar perintah kuarantin telah didakwa di mahkamah dan telah disabitkan kesalahan dengan 3 darinya didenda mahkamah dengan jumlah RM13,000.00 dan 2 lagi didenda dengan jumlah RM20,000 dan penjara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN NOR AZRINA BINTI SURIP  
[ MERBOK ]**

**TARIKH : 2 DISEMBER 2020 (RABU)**

**SOALAN**

**Puan Nor Azrina binti Surip [ Merbok ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah Kerajaan dalam usaha dekriminalisasi membunuh diri serta pindaan atau memansuhkan Seksyen 309 Kanun Keseksaan yang menghukum mereka yang terselamat dari cubaan membunuh diri akan menjalani hukuman penjara sehingga setahun, denda atau kedua-duanya sekali jika disabit kesalahan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan melalui Jabatan Peguam Negara mengambil inisiatif untuk mengkaji undang-undang berkenaan dengan kesalahan persubahatan dan percubaan membunuh diri di Malaysia. Ini kerana berdasarkan statistik sehingga 2015, insiden percubaan membunuh diri semakin meningkat dan meliputi pelbagai peringkat umur. Percubaan membunuh diri berlaku disebabkan oleh pelbagai faktor. Oleh yang demikian, pendekatan yang lebih holistik perlu diambil untuk mengekang perbuatan tersebut.

Kajian ini meliputi dua bahagian, dimana bahagian pertama kajian ini ditumpukan kepada kesalahan percubaan membunuh diri di bawah seksyen 309 Kanun Keseksaan. Manakala bahagian kedua kajian ditumpukan kepada kesalahan persubahatan membunuh diri di bawah

seksyen 305 dan 306 Kanun Keseksaan. Pada masa kini, bahagian pertama kajian ini sedang dalam peringkat rundingan dengan pihak yang berkepentingan.

Jabatan Peguam Negara juga sedang menimbangkan cadangan daripada pihak berkepentingan untuk mengeluarkan percubaan membunuh diri daripada sistem keadilan jenayah dan memasukkan orang yang membuat percubaan membunuh diri ke dalam sistem rawatan kesihatan bagi mendapatkan rawatan yang sewajarnya. Kajian juga turut melihat perbandingan peruntukan undang-undang mengenai percubaan untuk membunuh diri di United Kingdom, New Zealand, India dan Singapura.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK DR. HASAN BIN BAHROM  
[ TAMPIN ]**

**TARIKH : 2 DISEMBER 2020 (RABU)**

**SOALAN NO. 34**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah program pembangunan peneroka yang dilaksanakan di Felda Bukit Rokan. Sejauh mana ia telah dilaksanakan, berapa kos yang telah dibelanjakan dan manfaat yang telah diperoleh oleh peneroka.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Program Pembangunan Peneroka di FELDA Bukit Rokan mensasarkan penyertaan sebanyak 232 orang dari kalangan peneroka dan generasi baharu dari FELDA Bukit Rokan dan kawasan sekitarnya. Antara projek pertanian yang dijalankan adalah projek ternakan arnab (60 orang), tanaman cili secara fertigasi (60 orang), tanaman cendawan (100 orang) dan tanaman sayuran berdaun (12 orang).
2. Sehingga kini, FELDA telah membelanjakan sebanyak RM1.2 juta bagi penyediaan infrastruktur asas pertanian seperti sumber air telaga tiub, sistem saliran dan pusat pengurusan sampah. Pembangunan infrastruktur fasa 1 telah siap sepenuhnya yang melibatkan pembangunan 60 buah rumah hijau, 4 unit rumah ternakan arnab, 15 unit rumah cendawan dan penanaman 2 hektar sayuran berdaun.
3. Mengikut perancangan awal, projek rintis ini dijangka mula beroperasi sepenuhnya pada bulan November 2020 dengan penyertaan awal daripada 80 orang peneroka dan generasi baharu. Unjuran pendapatan tambahan yang akan diperoleh peserta adalah sebanyak RM500 ke RM1,000 sebulan.
4. Pemilihan peserta telah dibuat tetapi masih tidak dapat dijalankan disebabkan banjir kilat yang melanda hampir keseluruhan kawasan projek pada 18 November 2020 banjir kilat berpunca daripada pembentung seliaan JKR yang tidak dapat menampung kapasiti air yang luar biasa.



5. Perbincangan bersama FELDA dan JKR telah dibuat pada 23 November 2020 bagi mencari kaedah penyelesaian bagi mengelak kejadian berulang.
6. Dijangka peserta akan mula dimasukkan pada awal Januari 2021.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATUK SERI PANGLIMA MADIUS**  
**TANGAU**  
**KAWASAN : TUARAN**  
**TARIKH : 02 DISEMBER 2020 (RABU)**

**SOALAN NO. 35**

minta **MENTERI KANAN KERJA RAYA** menyatakan apakah status pelaksanaan Projek Naik Taraf Jalan Berungis, Tuaran yang melibatkan peruntukan RM159 juta.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya sentiasa komited melaksanakan setiap projek yang telah diluluskan. Walau bagaimanapun, terdapat isu berkaitan keperluan pewartaan Jalan Negeri kepada Jalan Persekutuan bagi Projek Naik Taraf Jalan Berungis, Tuaran yang perlu diselesaikan terlebih dahulu. Kementerian ini telah mendapatkan pandangan Penasihat Undang-Undang dan dalam proses penelitian lanjut sebelum pelaksanaan projek dapat diteruskan bagi memastikan ia dapat berjalan lancar dan mengelakkan sebarang isu berbangkit.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHAN FOONG HIN [ KOTA KINABALU ]**

**TARIKH : 2 DISEMBER 2020 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN CHAN FOONG HIN [ KOTA KINABALU ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan butiran-butiran penubuhan Majlis Khas Mengenai Malaysia Agreement 1963 (MA63) yang dipersetujui dalam mesyuarat Jemaah Menteri pada 9 September 2020 dan diumumkan pada 16 September 2020 di Sibu, Sarawak. Apakah komposisi dan terma syarat Majlis Khas tersebut.

**JAWAPAN**

**YB DATUK SERI PANGLIMA DR. MAXIMUS JOHNNITY ONGKILI  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL SABAH  
DAN SARAWAK)**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Bagi menzahirkan komitmen dan keseriusan Kerajaan berhubung usaha-usaha untuk mengembalikan hak-hak negeri Sabah dan negeri Sarawak seperti mana yang termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan dan Perjanjian Malaysia 1963 (MA63), Jemaah Menteri pada 9 September 2020 yang lalu telah bersetuju dengan penubuhan Majlis Khas Mengenai Perjanjian Malaysia 1963 (**Majlis Khas MA63**). Keputusan Jemaah Menteri ini telah diumumkan sendiri oleh YAB Perdana Menteri sewaktu sambutan Hari Malaysia di Sibu, Sarawak pada 16 September 2020 yang lalu. Penubuhan Majlis Khas ini adalah selaras dengan syor dan keputusan Jawatankuasa Khas Kabinet Untuk

Menyemak Pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 (JKKK MA63) yang telah dibubarkan pada 18 November 2019 di bawah Kerajaan terdahulu.

2. Majlis Khas juga akan meneliti isu-isu yang berbangkit berhubung pelaksanaan keputusan-keputusan di bawah Jawatankuasa Kabinet terdahulu bagi memastikan perkara-perkara yang boleh diselesaikan atau dengan izin, "*low hanging fruit*" dilaksanakan dengan segera. Ini menunjukkan keikhlasan Kerajaan Persekutuan dalam menjamin hak-hak negeri Sabah dan negeri Sarawak dilaksanakan selaras dengan hak-hak yang dijamin di bawah undang-undang dan perlembagaan negara. Majlis Khas ini akan diurusetikan oleh Bahagian Hal Ehwal Sabah dan Sarawak, Jabatan Perdana Menteri (BHES), yang bertanggungjawab memastikan isu-isu yang berkaitan dengan MA63 dapat diselesaikan dan dilaksanakan dengan telus dan berkesan.

3. Dalam hal ini, Bahagian Hal Ehwal Sabah dan Sarawak, Jabatan Perdana Menteri (**BHES**) akan memantau rapi pelaksanaan keputusan-keputusan yang telah dicapai di bawah Jawatankuasa Kabinet terdahulu oleh jawatankuasa kerja-jawatankuasa kerja yang telah ditubuhkan di peringkat Kementerian/Agensi Persekutuan yang terlibat dalam proses semakan pelaksanaan MA63 sebelum ini. Setiap kementerian/agensi terlibat akan mengemukakan pelaporan secara berkala kepada BHES dan pelaporan ini akan dibentangkan di peringkat Majlis Khas MA63.

4. Komposisi Majlis Khas MA63 ini adalah terdiri daripada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Negeri Sarawak iaitu YAB Perdana Menteri sebagai pengerusi dan dianggotai oleh YAB Ketua Menteri Sabah, YAB Ketua Menteri Sarawak termasuk Peguam Negeri dan Setiausaha Kerajaan Negeri bagi kedua-dua negeri tersebut. Di peringkat Kerajaan Persekutuan, Majlis Khas ini juga dianggotai oleh lapan (8) Menteri mewakili Kementerian yang berkait rapat dengan perihal pembangunan negeri Sabah dan Sarawak serta Peguam Negara, Ketua Setiausaha Negara dan Ketua Setiausaha Perbendaharaan.

5. Kerajaan yakin bahawa kejayaan dalam agenda ini akan meredakan ketidak-puasan hati rakyat di negeri Sabah dan Sarawak yang selama ini merenggangkan perpaduan dan integriti wilayah yang kukuh serta sekaligus akan dapat memperkasakan patriotisma dan nasionalisma negara bangsa. Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN LIM KIT SIANG  
[ ISKANDAR PUTERI ]**

**TARIKH : 2 DISEMBER 2020 (RABU)**

**SOALAN**

Tuan Lim Kit Siang (**Iskandar Puteri**) minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan berhasrat untuk merangka satu platform e-petisyen bagi membolehkan Dewan Rakyat untuk menerima petisyen umum daripada rakyat untuk dibahaskan seperti mana di UK.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, urusan Dewan Rakyat berkaitan rayuan-rayuan (*petitions*) telah pun termaktub dalam Peraturan Mesyuarat 14(1)(f) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN NGA KOR MING [ TELUK INTAN ]**

**TARIKH : 2 DISEMBER 2020 (RABU)**

**SOALAN**

**Tuan Nga Kor Ming [ Teluk Intan ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan jumlah penerima bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat di bawah Parlimen Teluk Intan, dari tahun 2008 hingga 2020, dengan pecahan setiap tahun, kategori penerima bantuan serta jumlah peruntukan yang terlibat.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), bilangan penerima bantuan kewangan JKM bagi Parlimen Teluk Intan untuk tahun 2018 – 2020 secara keseluruhan adalah seramai **7,043** orang penerima dengan perbelanjaan sebanyak **RM21.3 juta**. Pecahan mengikut tahun, kategori penerima bantuan serta jumlah peruntukan yang terlibat adalah seperti jadual di bawah.

Bil	Jenis Bantuan	2018		2019		Sept'2020		Jumlah Keseluruhan	
		Bil Kes	RM	Bil Kes	RM	Bil Kes	RM	Bil Kes	RM
1	Bantuan Kanak-Kanak	166	459,750	150	451,450	152	345,938	468	1,257,138
2	Bantuan Orang Tua	560	2,008,650	561	2,098,950	550	1,568,438	1,671	5,676,038
3	Elaun Pekerja Cacat	413	1,684,000	394	1,602,000	342	1,210,500	1,149	4,496,500
4	Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja	518	1,206,750	548	1,505,500	554	1,205,288	1,620	3,917,538
5	Bantuan Penjagaan OKU Terlantar/ Pesakit Kronik Terlantar	163	533,400	176	547,050	175	455,663	514	1,536,113
6	Bantuan Am	569	1,634,400	524	1,655,400	505	1,116,975	1,598	4,406,775
7	Bantuan Latihan Perantis	1	1,200	4	3,800	2	3,000	7	8,000
8	Geran Pelancaran	2	5,400	2	5,400	4	8,100	8	18,900
9	Bantuan Alat Tiruan/ Sokongan	0	0	5	27,620	3	3,750	8	31,370
Jumlah Keseluruhan		2,392	7,533,550	2,364	7,897,170	2,287	5,917,650	7,043	21,348,370



**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN GOBIND SINGH DEO  
[PUCHONG]**

**TARIKH : 2 DISEMBER 2020 (RABU)**

**SOALAN**

**Tuan Gobind Singh Deo [ Puchong ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah rancangan Kerajaan untuk meningkatkan teknologi baru dan dalam talian (online) untuk perbicaraan kes-kes Mahkamah di seluruh negara. Apakah rancangan tersebut, bagaimana ianya berfungsi, jumlah dana yang diketepikan untuk perkara ini dan status pelaksanaannya.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini, teknologi dalam talian yang digunakan oleh mahkamah untuk perbicaraan sesuatu kes adalah dengan menggunakan 3 jenis platform iaitu sistem e-mel, sistem eReview dan aplikasi sidang video.

Sistem e-Review adalah satu platform yang disediakan di dalam sistem aplikasi Mahkamah yang sedia ada untuk memudahkan pihak Mahkamah dan pihak-pihak dalam sesuatu kes mengendalikan prosiding sebutan, pengurusan kes, perbicaraan permohonan dan perbicaraan kes secara dalam talian. Buat masa ini, Mahkamah Rendah dan Mahkamah Atasan telah menggunakan platform e-mel, sistem e-Review dan sidang video untuk mengendalikan prosiding kes sivil secara dalam talian. Penggunaannya semakin meningkat sejak Mac 2020 apabila pihak-pihak tidak dapat hadir ke Mahkamah kerana penguatkuasaan Perintah

Kawalan Pergerakan oleh Kerajaan untuk membendung penularan wabak Covid-19.

Bagi pengendalian prosiding secara sidang video pula, pihak Mahkamah menggunakan platform Zoom Business dengan langganan sebanyak 104 lesen perisian Zoom yang bernilai RM124,800-00 untuk setahun. Platform ini banyak digunakan bagi prosiding jenayah di Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan yang bermula sejak bulan Jun 2020. Sidang video ini melibatkan pihak tertuduh, peguam dan pendakwa raya yang berada di bilik bicara mahkamah di Sabah atau Sarawak, yang berkomunikasi dengan panel hakim di bilik bicara mahkamah di Putrajaya. Prosiding melalui sidang video dilaksanakan bagi memastikan pendengaran kes dapat diteruskan dan hak-hak tertuduh untuk keadilan tidak diprejudiskan.

Bagi meningkatkan lagi teknologi baharu khususnya teknologi dalam talian (*online*) untuk perbicaraan kes-kes Mahkamah di seluruh negara, pada masa ini terdapat dua projek utama yang sedang dilaksanakan oleh Mahkamah. Projek tersebut adalah:

- (a) Projek Sistem Court Recording Transcription & Voice to Text ("Projek RVT") yang dilaksanakan di Mahkamah-mahkamah di Semenanjung; dan
- (b) Projek Sistem e-Kehakiman Sabah & Sarawak ("Projek EKSS") yang dilaksanakan di Mahkamah-mahkamah di Sabah & Sarawak.

Bagi Projek RVT, pelaksanaan projek ini adalah selama 2 tahun iaitu mulai 15 Jun 2020 sehingga 14 Jun 2022 dengan kos sebanyak RM86,522,850.00. Projek ini adalah bagi menggantikan Sistem Court Recording & Transcription yang telah diguna pakai oleh Mahkamah selama 10 tahun sejak 2009. Salah satu daripada skop kerja utama Projek RVT ini ialah pembekalan server dan perkakasan serta peralatan audio visual dan perisian untuk merakam prosiding di 320 bilik bicara dan 51 bilik saksi di 55 lokasi Mahkamah di Semenanjung.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN KHALID BIN ABDUL SAMAD  
[SHAH ALAM]**

**TARIKH : 02 DISEMBER 2020 (RABU)**

**SOALAN**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perancangan strategik bagi memperkasakan mahkamah syariah menerusi pindaan Akta 355 dan apakah langkah-langkah bakal diambil selepas ini.

**JAWAPAN : YB SENATOR DATUK DR. ZULKIFLI MOHAMAD AL BAKRI,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan sentiasa meletakkan prioriti kepada pemerkasaan Mahkamah Syariah, bagi memartabatkan institusi perundangan Syariah di Malaysia. Sebagaimana yang telah dimaklumkan sebelum ini, pindaan bagi Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 akan dilakukan selepas beberapa proses penting dilaksanakan terlebih dahulu. Ini penting agar Akta ini dapat dipinda dan dibentangkan mengikut tertib dan teratur mengikut lunas Perlembagaan Persekutuan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN CHAN FOONG HIN  
[KOTA KINABALU]**

**TARIKH : 2 DISEMBER 2020 (RABU)**

**SOALAN**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perbezaan di antara SOP Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) Kuala Lumpur, Putrajaya dan Selangor dan SOP PKPB seluruh negeri Sabah yang dikeluarkan pada 14 Oktober 2020 oleh Ketua Pengarah Kesihatan. Nyatakan justifikasi perbezaan tersebut, terutamanya bagi menjalankan aktiviti ekonomi.

**JAWAPAN**

**YB DATUK SERI MOHD REDZUAN BIN MD. YUSOF,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Secara keseluruhannya, prinsip asas SOP Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) Kuala Lumpur, Putrajaya dan Selangor dan SOP PKPB Seluruh Negeri Sabah adalah sama, hanya terdapat perbezaan kecil sahaja seperti had waktu jam operasi premis perniagaan seperti kedai-kedai makan yang berbeza di antara kedua-dua tempat dengan mengambilkira waktu dan keadaan setempat.
2. Sebagai contoh, SOP PKPB untuk Kuala Lumpur, Putrajaya dan Selangor menghadkan waktu operasi kedai-kedai makan dan stesen minyak dari 6 pagi hingga 10 malam manakala SOP PKPB Seluruh Sabah menghadkan masa operasi dari 6 pagi hingga 8 malam. Selain itu, SOP PKPB Sabah di atas permintaan Kerajaan Negeri juga lebih ketat dengan tidak membenarkan aktiviti *dine-in* atau makan di restoran dan kedai makan di mana hanya pembelian secara bungkus atau penghantaran sahaja dibenarkan. SOP PKPB Sabah juga tidak membenarkan aktiviti pasar malam, pasar tamu dan pasar tani dilakukan berbanding dengan SOP PKPB di Kuala Lumpur, Putrajaya dan Selangor yang membenarkan aktiviti perniagaan ini dengan waktu terhad.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN NOORITA BINTI SUAL [TENOM]**

**TARIKH : 2 DISEMBER 2020 (RABU)**

**SOALAN :**

**Puan Noorita binti Sual [Tenom]** minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan langkah-langkah terbaru yang di ambil oleh Kementerian dalam menaikkan harga komoditi getah dan kelapa sawit dan apakah program bantuan untuk pekebun kecil yang terlibat dalam komoditi ini dan senaraikan pasaran negara baru yang membeli komoditi ini dari Malaysia.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Cabaran utama yang dihadapi oleh pihak Kerajaan adalah untuk menstabilkan harga komoditi utama seperti sawit dan getah kerana harga komoditi ini bergantung kepada pelbagai faktor. Penularan wabak COVID-19 juga telah memberi kesan kepada permintaan sektor agrikomoditi yang turut menyebabkan mempengaruhi harga di pasaran.

Walaupun bagaimanapun, harga minyak sawit mentah (MSM) ketika ini sedang menunjukkan trend peningkatan yang begitu ketara. Harga purata MSM telah melonjak kepada RM3,424.00 se tan pada 6 November 2020 berbanding paras terendahnya, iaitu RM2,021.50 se tan pada 12 Mei 2020 iaitu peningkatan sebanyak RM1,402.50 atau 69.38 peratus. Peningkatan harga MSM ini telah menyebabkan harga buah tandan segar (BTS) sawit turut meningkat kepada RM727 se tan pada 6 November 2020 berbanding RM408 se tan pada 12 Mei 2020. Ini menunjukkan bahawa usaha-usaha yang dilakukan oleh Kerajaan telah berjaya meningkatkan harga minyak sawit.

Pihak Kementerian akan terus berusaha menstabilkan harga dan membantu meringankan beban pendapatan pekebun-pekebun kecil agrikomoditi ini melalui pelaksanaan langkah-langkah seperti berikut:

**SEKTOR SAWIT:**

- i. mempelbagaikan produk (*product diversification*) minyak sawit terutamanya dalam produk hiliran seperti oleokimia, produk khusus (*speciality product*), biobahan api dan produk akhiran (*finished products*);
- ii. meningkatkan lagi usaha pembaharuan produk (*product differentiation*) supaya lebih banyak produk akhiran minyak sawit dapat dihasilkan untuk pasaran khusus;
- iii. mengumumkan pengecualian 100% duti eksport ke atas minyak sawit mentah, minyak isirung sawit mentah dan minyak isirung sawit RBD mulai

1 Julai hingga 31 Disember 2020 dalam Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) bertujuan menguruskan paras stok dan menstabilkan harga minyak sawit negara;

- iv. mewajibkan pensijilan skim Pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) dalam rangkaian utama pengeluaran minyak sawit di Malaysia yang merangkumi sektor perladangan, pekebun kecil dan pengilangan sawit;
- v. menyediakan Skim Pinjaman Mudah Tanam Semula Pekebun Kecil Sawit (TSPKS) dan Skim Pinjaman Mudah Input Pertanian Pekebun Kecil Sawit (IPPKS) pada kadar faedah 2 peratus setahun;
- vi. mewujudkan Skim Insentif Integrasi Ternakan Dengan Sawit secara jangka panjang menerusi Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dalam Rancangan Malaysia Ke-11 bertujuan untuk meningkatkan produktiviti dan pendapatan pekebun kecil sawit persendirian melalui penggunaan tanah dan sumber semula jadi secara optimum; dan
- vii. Menggalakkan pekebun kecil sawit menyertai Koperasi Penanam Sawit Mampan (KPSM). Langkah ini dapat memberikan penawaran harga yang lebih tinggi kepada pekebun kecil. Sehingga November 2020, sebanyak 65 buah KPSM telah ditubuhkan secara berperingkat. Aktiviti utama KPSM adalah penjualan kelompok BTS anggota koperasi terus ke kilang sawit.

**SEKTOR GETAH:**

- i. Meningkatkan penggunaan getah dalam negara bagi mengukuhkan harga getah bagi jangka sederhana dan panjang. Ini termasuk penggunaan getah dalam pembinaan jalan raya dan penghasilan produk-produk baru dan bernilai tambah berasaskan getah seperti *seismic bearing*, sarung tangan getah dan lain-lain;
- ii. Bekerjasama dengan negara-negara pengeluar utama getah dunia iaitu Thailand dan Indonesia di bawah kerangka *International Tripartite Rubber Council* (ITRC) untuk memperkukuh dan menstabilkan harga pasaran getah antarabangsa. Di bawah kerjasama ini, syer pengeluaran ketiga-tiga negara adalah 63.3% daripada pengeluaran getah asli dunia;



- iii. Mempergiat hebahan dan kesedaran kepada pekebun kecil agar memohon Insentif Pengeluaran Getah (IPG). Mewajibkan penggunaan sistem RRMNiaga bermula 1 Januari 2021 bagi memudahkan penyaluran IPG tanpa proses permohonan manual oleh pekebun kecil;
- iv. Menambah baik pelaksanaan mekanisme penetapan harga di ladang dengan memperkasa peranan koperasi sebagai pembeli getah. Menerusi langkah ini, lapisan pembeli akan dikurangkan dan seterusnya dapat meningkatkan harga pembelian getah di peringkat ladang (*farm gate price*). Sehingga kini, sebanyak 20 koperasi terlibat dalam urusniaga getah dan menawarkan harga *cuplump* pada purata RM0.10 sehingga RM0.20 sekilogram lebih tinggi berbanding pembeli getah lain.

**PASARAN SAWIT:**

Pihak Kementerian juga sentiasa komited dalam meneroka pasaran baharu bagi meningkatkan lagi jumlah eksport MSM. Antara negara-negara tersebut adalah seperti berikut:

- a) Asia Tengah - Uzbekistan, Kazakhstan, Turkmenistan dan Kyrgystan;
- b) Eropah - Bosnia & Herzegovina, Croatia, Romania dan Montenegro;
- c) Afrika - Mauritania, Congo, Madagascar dan Kenya;
- d) Timur Tengah & Asia Barat - Algeria, Maghribi, Yemen dan Libya; dan
- e) Amerika - Haiti, Jamaica dan Kepulauan Caribbean.

Selain itu, pasaran negara-negara yang mula mengimport kembali minyak sawit pada Januari hingga Ogos 2020 adalah Marshall Island, Nicaragua dan Venezuela. Kali terakhir Marshall Island mengimport minyak sawit Malaysia adalah pada tahun 2011. Manakala, Nicaragua dan Venezuela pada 2016. Kuantiti dan nilai eksport minyak sawit bagi ketiga-tiga negara tersebut bagi tempoh Januari hingga Ogos 2020 adalah sebanyak 67 tan dengan nilai RM217,280.

**PASARAN GETAH:**

Sebagai salah sebuah negara pembekal utama getah asli dunia dan terkenal dengan kualiti getahnya yang baik, Malaysia telah mengeksport kepada hampir keseluruhan pengguna getah asli di segenap pelusuk dunia. United Arab Emirates (UAE) adalah negara pasaran baru yang mana Malaysia mula mengeksport getah asli ke negara tersebut sejak 3 tahun yang lalu di samping produk sedia ada yang lain seperti sarung tangan getah dan kasut. Pada Januari hingga September 2020, eksport Malaysia ke UAE bagi getah asli dan produk getah adalah sebanyak RM287.9 juta atau peningkatan sebanyak 11.6% berbanding tempoh sama 2019.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN SYED IBRAHIM BIN SYED NOH**  
**KAWASAN : LEDANG**  
**TARIKH : 02 DISEMBER 2020 (RABU)**

**SOALAN NO. 43**

minta **MENTERI KANAN KERJA RAYA** menyatakan langkah Kerajaan dalam memastikan keselamatan pengguna jalan raya daripada kemalangan melibatkan pembinaan atau pembaikan jalan seperti yang berlaku di Jalan Sungai Besi baru-baru ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak kerajaan amat memandang berat terhadap tahap keselamatan di dalam kawasan kerja pembinaan jalan raya dan lebuh raya terutamanya yang melibatkan pengguna jalan raya atau orang ramai. **Kerajaan telah mengambil pelbagai langkah keselamatan bagi menjamin keselamatan pengguna jalanraya termasuk menghadkan waktu kerja pembinaan terutama pada waktu puncak, menutup sebahagian lorong jalanraya sekiranya kerja pembinaan dijalankan, kepatuhan kepada *method of statement* atau kaedah pembinaan yang ketat serta mengadakan pengawasan kerja secara berterusan untuk kerja-kerja pembinaan yang mempunyai risiko tinggi.**

Bagi memastikan projek-projek jalan sentiasa berada di tahap keselamatan yang baik, Audit Keselamatan Jalan dilaksanakan mengikut proses yang telah ditetapkan dalam lima (5) peringkat seperti berikut:

- 1) Perancangan (Peringkat 1);
- 2) Rekabentuk awalan (Peringkat 2):
- 3) Rekabentuk terperinci (Peringkat 3):
- 4) **Pembinaan (Peringkat 4; Part I-III)**
- 5) dan Operasi (Peringkat 5)

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK IGNATIUS DARELL LEIKING  
[ PENAMPANG ]**

**TARIKH : 2 DISEMBER 2020 (RABU)**

**SOALAN NO.44**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan dengan terperinci perancangan yang telah dan bakal dilaksanakan untuk mengaktifkan semula sektor perlombongan berorientasikan gas dan petroleum serta sektor pertanian berorientasikan kelapa sawit di negeri Sabah dan unjuran sumbangan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) kedua-dua sektor ini dari negeri ini kepada Malaysia bagi tahun ini.

**JAWAPAN**

**YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ekonomi negeri Sabah dijangka menguncup pada tahun 2020, selari dengan penguncupan ekonomi Malaysia yang dijangka sebanyak 5.5% hingga 3.5%\*. Penguncupan ini disebabkan oleh pandemik COVID-19 yang masih berlarutan sehingga kini. Sektor perlombongan dan pertanian akan turut terjejas.
2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan akan melaksanakan kajian Dasar Tenaga Negara atau *National Energy Policy* (NEP) dan Pelan Halatuju Gas Asli atau *Natural Gas Roadmap* (NGR) sebagai antara strategi sektor tenaga di dalam Rancangan Malaysia Keduabelas (RMKe-12).
3. Dasar Tenaga Negara ini merupakan dasar baharu yang komprehensif dan merupakan *umbrella policy* atau dasar induk yang akan menentukan dasar dan arah tuju strategik jangka masa panjang sektor tenaga negara. Dasar ini akan dijadikan panduan untuk menangani pelbagai isu merentas sektor yang menggunakan tenaga selain menggariskan langkah tindak balas kepada trend global mengenai peralihan tenaga.
4. Sementara itu, NGR merupakan *feeder policy* kepada NEP yang akan menggariskan peranan jangka panjang bahan api gas untuk sektor elektrik dan bukan elektrik. Ini termasuk aspek pembekalan dan permintaan masa hadapan (*supply and demand*) selain strategi untuk meningkatkan persaingan melalui kawal selia Akses Pihak Ketiga atau "*Third Party Access*" (TPA) dalam pasaran gas domestik kearah memastikan harga yang kompetitif. Harga gas yang kompetitif melalui persaingan yang adil akan menarik pelaburan di sektor hulu minyak dan gas dan seterusnya memastikan jaminan dan kemampunan bekalan tenaga jangka masa panjang negara.

5. Selain dasar peringkat nasional, PETRONAS dan Kerajaan Negeri Sabah juga telah bekerjasama untuk menghasilkan pelan induk gas sebagai usaha merancakkan lagi industri petroleum di negeri berkenaan.
6. Bagi menjamin kestabilan ekosistem dan daya saing industri petroleum di negeri Sabah, PETRONAS sentiasa bersedia untuk bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Sabah dalam membangunkan industri petroleum di Sabah bagi manfaat jangka masa panjang.
7. Bagi sektor pertanian berorientasikan kelapa sawit pula, Kerajaan sentiasa berusaha untuk memastikan kemampanan industri sawit termasuk di negeri Sabah. Pada tahun 2020, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM34.4juta kepada Lembaga Kemajuan Tanah Sabah (SLDB) dan RM12.1juta kepada FELCRA Berhad bagi pelaksanaan program pembangunan industri kelapa sawit di Sabah.
8. Antara program yang dilaksanakan untuk meningkatkan produktiviti dan kemampanan industri sawit adalah menaiktaraf infrastruktur ladang, program tanam semula sawit, pembangunan kawasan tanam baharu sawit dan penyatuan dan pemulihan tanah.
9. Selain itu, Kerajaan juga menyalurkan peruntukan untuk program aktiviti ekonomi tambahan kepada pekebun kecil sawit yang bertujuan untuk menjana pendapatan sampingan melalui ternakan dan diversifikasi tanaman. Inisiatif ini dijangka dapat memberi manfaat secara langsung kepada peneroka yang seterusnya akan dapat membantu meningkatkan taraf hidup mereka dan mengurangkan kebergantungan mereka kepada hasil kelapa sawit semata-mata.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN WONG CHEN [SUBANG]**

**TARIKH : 2 DISEMBER 2020 (RABU)**

**SOALAN NO. 45:**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:

- (a) asal-usul kluster Sabah COVID-19 semasa dan sama ada terdapatnya hubungan kait dengan negara jiran kita; dan
- (b) apakah langkah tambahan yang akan diambil untuk meningkatkan Rondaan sempadan air dan darat untuk menyekat pengimportan COVID-19.



**JAWAPAN**

**YB DATUK SERI MOHD REDZUAN BIN MD. YUSOF,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sepertimana yang dimaklumkan oleh Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia pada 1 Oktober 2020, mutasi virus jenis D614G yang dikesan dalam penularan wabak COVID-19 membabitkan Kluster Benteng Lahad Datu (LD) di Sabah, dikenal pasti datang dari Indonesia dan Filipina. Kerajaan melalui Kementerian Dalam Negeri (KDN) telah mengerah agensi penguatkuasaan dibawah kementerian ini seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Agensi Kawalan Sempadan Malaysia (AKSEM), *Eastern Sabah Security Command* (ESSCOM) dan Jabatan Imigresen Malaysia agar memperketatkan lagi kawalan sempadan darat dan laut di negeri Sabah.
2. Usaha ini dilaksanakan melalui Op BENTENG yang telah diatur gerak bagi memastikan isu kelolosan terutamanya di kawasan panas (hotspot) yang dipercayai kawasan pendaratan atau jalan-jalan tikus yang digunakan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) dan juga aktiviti penyeludupan masuk ke sempadan negara.
3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Op BENTENG yang dimulakan sejak Mei 2020 telah memberi lebih penekanan dan perhatian kepada sektor-sektor merah maritim dan darat negara yang dikenal pasti menjadi tumpuan kemasukan PATI. Kawalan sempadan maritim dan darat sektor merah ini telah dipertingkatkan dengan penugasan anggota 24 jam sehari, penambahan rondaan kapal dan bot-bot serta peningkatan sekatan jalan raya (SJR) oleh agensi-agensi penguatkuasaan.
4. Langkah tambahan lain bagi membantu kawalan sempadan negara adalah dengan melaksanakan penugasan rondaan aset udara dan dron di bawah Op BENTENG. Setakat Oktober 2020, pelbagai kejayaan telah dicapai melalui rondaan pesawat dan penugasan

dron antaranya tangkapan penyeludupan ketum, haiwan dan lain-lain jenayah rentas sempadan.

Sekian, terima kasih.